# JEMAAH HAJI KITA SELAMAT PULANG KE TANAHAIR

Gambar-gambar oleh
Haji Sharbini
Ak. Bahar PHO
Rabae Sabli

SYUKUR Alhamdulillah semua jemaah-jemaah haji negara kita kini telah pun selamat pulang ke tanahair minggu lepas setelah mengerjakan rukun Islam kelima iaiatu menunaikan fardu haji ke Mekah.

Para jemaah yang diterbangkan dalam lapan penerbangan yang berasingan bulan lepas pulang dengan riang gembira menemui sanak saudara yang ditinggalkan kira-kira sebulan lalu.

Sebaik-baik saja pesawat Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang membawa pulang jemaah haji dari Mekah mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas perasaan gembira mulai terbayang di wajah-wajah sanak saudara yang menunggu lebih awal lagi dari jadual ketibaan jemaah haji.

Seorang demi seorang para jemaah haji turun daripada pesawat sambil tanda gembira, manakala keluarga yang setia menunggu beredar mendapatkan saudara-mara dan seterusnya membawa mereka pulang ke rumah masing-masing.

Suasana di rumah pula begitu indah, dan lebih menarik lagi apabila tersergam megah pintu gerbang yang ditulis dengan kata-kata 'Selamat Pulang Ke Tanahair' yang kesemua itu menggambarkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala.

Di rumah suasana begitu sibuk. Sanak saudara, sahabat-handai serta jiran mengalu-alukan kepulangan riang gembira. Mereka awal-awal lagi sudah ada di rumah untuk jemaah-jemaah haji berziarah serta bersalam mengambil sukut baik dari tanah suci.

Begitulah suasana yang dapat digambarkan ketika menyambut kepulangan para jemaah serta semoga mendapat haji yang mabrur.





JEMAAH-Jemaah haji turun dari kapal MAS, pesawat yang disewa khas membawa jemaah-jemaah haji kita tahun ini (atas kiri). Para jemaah haji berpusu-pusu keluar dari Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas untuk menemui saudara dan sahabat handai masing-masing (atas kanan). Majlis membaca doa selamat diadakan bagi menandakan selamat sempurna pulang ke tanahair oleh salah seorang keluarga seperti kelihatan dalam gambar kanan. Sebelum keluar untuk menemui sanak saudara beg-beg para jemaah haji terlebih dahulu diperiksa oleh pihak Kastam (gambar bawah).







PARA jemaah dengan hati gembira berjalan untuk menuju bangunan utama Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas bagi pemeriksaan (atas). Gambar bawah menunjukkan orang ramai menunggu kepulangan jemaah haji.





PASPORT para jemaah diperiksa terlebih dahulu sebelum mereka dibenarkan keluar dari bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS......Siri ke-293



# PUAK BATINIYYAH Siri ke-20

SETENGAH dari hukum ke atas orang Batiniyyah: Iaitu bahawa tiada harus pada syarak dan tiada boleh Muwalah dengan mereka dan tiada khilaf di antara umat Islam bahawa mereka ialah orang-orang yang melawan Allah dan rasul-Nya, maka dari itu diharamkan muwalah dengan mereka, barangsiapa muwalah dengan mereka setelah ia mengetahui mereka telah menjadi kafir, dengan ia menghalalkan muwalah itu, maka tiadalah syak bahawa orang itu telah menjadi kafir dan terkenalah ke atasnya hukum orang kafir, begitu juga hukum orang yang tiada mahu menghukumkan mereka menjadi kafir, atau berbaik-baik sangka dengan mereka.

Setengah dari hukum ke atas orang Batiniyyah: Iaitu tiada harus pada syarak dan tiada boleh ditanam mayat mereka dalam perkuburan orang Islam dan tiada boleh disembahyang ke atas mayat mereka, kerana firman Allah Taala dalam Surah At-Taubah ayat 84 yang bermaksud: *"Dan janganlah engkau sembahyangkan seorang pun yang mati dari orang-orang munafik itu selama-lamanya dan janganlah engkau berada di atas kuburnya, kerana sesungguhnya mereka telah kufur kepada Allah dan rasul-Nya, dan mereka mati sedang mereka dalam keadaan fasik."*

Dan kita telah ketahui kufur mereka, maka diharamkan sembahyang ke atas bangkai mereka dan haram berdiri di atas yakni di tepi kubur mereka, begitu juga tiada harus diucapkan tasymit ke atas mereka bila hidung mereka bersin dan tiada harus dilawat pesakit mereka, dan tiada harus hadir jenazah mereka, dan tiada harus dijawab salam mereka.

Begitu juga tiada harus (tiada halal) dimakan sembelihan mereka dari lembu, kerbau, kambing, ayam, itek dan seumpamanya, menurut firman Allah Taala dalam Surah Al-An'am ayat 121 yang bermaksud;

*"Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya, kerana sesungguhnya (yang sedemikian) itu adalah perbuatan fasik (berdosa).*

**Tiadalah syak lagi bahawa mereka orang-orang Batiniyyah tiada pernah mengucap Bismillah, kerana mereka sebenar-benarnya engkarkan Allah, bagaimana mereka hendak mengucap Bismillah padahal mereka engkarkan Allah dan ujud-Nya,** pendek-kata barangsiapa makan, sembelihan mereka, dengan terang-terang dengan berani, dengan tiada menghalalkan makan sembelihan itu, maka ia jadi fasik, dan jika ia makan sembelihan mereka dengan menghalalkan sembelihan itu dengan tiada ada subahat pada pengetahuannya, akan kufur mereka, maka orang itu menjadi kafir seperti orang Batiniyyah itu, kerana ia telah ketahui dengan yakin (ilmu yakin) bahawa haram memakan sembelihan orang kafir pada keseluruhannya, sekalipun ulama Islam telah ada khilaf pada hukum sembelihan ahlil-kitab dan seumpama ahlil-kitab. Adapun orang Batiniyyah adalah keluar dari khilaf itu dan jangan kamu hendak menentang perkara orang Batiniyyah dengan perkara orang-orang munafik, kerana orang munafik, bahawa orang Islam tiada tahu akan Islam dan iman mereka, bersalahan orang-orang Batiniyyah, bahawa orang Islam mengetahui benar akan kufur dan ilhad yang dibuat oleh mereka dengan yakin, maka dari itu tiadalah boleh dikiaskan orang Batiniyyah dengan orang-orang munafiqin, adapun dalil kufur orang yang menghalalkan sembelihan orang Batiniyyah, kerana ayat Al-Quran yang di atas telah memberitahu akan hukum haram memakan sembelihan mereka, maka barangsiapa berani menghalalkan sembelihan mereka maka ia telah melawan erti ayat Al-Quran itu dan ia telah menjadi kafir.

Begitu juga tiadalah harus mengekalkan mereka dalam kufur mereka (orang-orang Batiniyyah), ketika ada berkuasa memaksa mereka keluar dari kufur mereka.

Barangsiapa telah mengetahui dengan yakin akan selok belok kufur orang-orang Batiniyyah dan kerja-kerja ancaman dan subversif mereka pada menarik orang awam Islam, masuk ke dalam mazhab mereka, nescaya ia ketahui dengan yakin, bahawa tiada suatu yang lebih memberi mudarat dan lebih kerosakan ke atas ugama Islam daripada orang-orang Batiniyyah dan orang seumpama mereka dari ajaran salah dan sesat dan mempertahankan ugama Islam dari kejahatan mereka adalah setinggi-tinggi amal salih di sisi Allah Taala dan sebenar-benar perbuatan damping kepada Allah Taala.

**Inilah kita salin dan ambil makna yang munasabah dari Kitab Qawa'idu I'tikad Ali-Muhammad karangan Al-Allamatul Fiqqiyyah Ad-Dailami Al-Yamani dan Al-Allamatud-Dailami mengambil bahasanya itu dari Kasyfu Asraril-Batiniyyah Akhbaríl-Qaramitah karangan Al-Allamatul-Fiqqiyyah Muhammad bin Malik Al-Hammadi Al-Yamani daripada puak Ahli-Sunnah Wal-Jamaah dan dari kitab Al-Husamul Battaru Limadzahibil Qaramitatil-kuffar karangan Al-Allamatul Fiqqiyah Hamid bin Ahmad Al-Mahlli al-Yamani.**

Adapun hukum orang-orang murtad dalam mazhab kitab Asy-Syafi'ei radhiallahu anhu, boleh kita baca di dalam Babu Tarikis-Salah, dalam bab haram nikah perempuan (Babu Muharramatin-Nikah), dan Babur-Riddah dan lain-lain bab dari kitab-kitab Fiqah seperti kitab At-Tuhfah, An-Nihayah Syarhur-Raud, Ar-Raudhah, Al-Minhaj, Syarah-Syarah Al-Minnajul-Anwar, Syarhul-Bahjah dan lain-lain dan dari kitab-kitab fatwa seperti Fatawas-Subki, Fatawabni Hajar, Fatawir-Ramli dan Bughyatul-Mustasyidin dan lain-lain Wallahuaklam.

**Perkara-perkara yang pelik (Khawariq) berlaku di tangan orang kafir;**

Menurut Kitab -'Uqudul Al-Mas: Berkata pengembara Islam, Ibnu Batutah bahawa dia berjumpa di India suatu kaum bernama Jukiyah itu, mereka berkata dengan menggunakan Jukiyah itu, boleh membuat 8 perkara yang ajaib luar biasa (Khawariq), setengah dari perkara ajaib itu berdaya menyembunyikan diri dari pandangan atau berdaya boleh berjalan satu perjalanan dengan sekelip mata, dan berdaya membesarkan badan dan berdaya boleh memberi kesan pada sesuatu dengan menggunakan himmah dan kuat semangat, berdaya membuat khayal dan berdaya naik ke udara dan lain-lain lagi.

Ulama Ahli Tasauf Islam telah berkata bahawa perkara yang ajaib itu seperti di atas (Khawariq) boleh berlaku di tangan orang Burhiman India, dan berlaku di tangan ahli riadhah atau ahli tapa yang sesat dan batil dan boleh berlaku di tangan paderi-paderi Kristian, kerana orang-orang yang berdiri dan mengamalkan perkara yang benar, mempunyai fathun (terang hati), menambahkan mereka boleh membuat sesuatu dan menambahkan iman mereka dan orang yang berdiri dan mengamalkan perkara batil dan sesat juga ada mempunyai fathun (terang hati), mendorong mereka membuat perkara lebih-lebih sesat dan jahat.

As-Syed Asy-Syarif Muhammad Al-Idrus Al-Alawi Al-Husaini telah menyebutkan dalam kitabnya Asrarul-Muqarribin perkara orang Burhiman India boleh terbang ke udara dengan tiada payah berpusing-pusing dan katanya bahawa perkara ajaib yang luar biasa (Khawariq) boleh berlaku kepada orang-orang yang bertapa atau membuat riadhah, sama ada orang itu berjalan di atas landasan yang benar, atau orang itu berjalan di atas landasan yang batil dan sesat dan maizan dan timbangan pada mengetahui siapa yang salih dan siapa yang talih (sesat), siapa yang benar dan siapa yang batil dan salah, ialah istiqamah (erti istiqamah iaitu iktikadnya betul dan benar bukan sesat, dan menjalankan perkara yang wajib dan fardu dan menjauhi larangan Allah).

Berkata Al-Qutbul -Imam Al-Habib Abdullah Al-Haddad: Bahawa golongan mengikut Allah (Ahli Allah) itu terbahagi pada keseluruhannya pada tiga peringkat dan bertentangan dengan tiga bahagian itu ada suatu kumpulan orang-orang dusta yang menyamar sebagai orang-orang benar, padahal mereka tiada sama sekali dalam benar dan hak dan betul, akan tetapi yang dusta lawan yang benar itu, dia berjalan di atas bukan jalan orang yang benar, menurut hakikat kedudukannya, hanya menjadi kesamaan di antara yang benar dan yang salah itu dari segi zahir, kepada orang-orang yang tiada dapat mentahqiqkan dan menimbangkan sesuatu dengan pandangan yang benar, kerana Allah Taala akan melakukan yang apa telah Allah janjikan.

Adapun perkara yang telah Allah janjikan terkandung di bawahnya banyak perkara, kerana Allah telah menjadikan benar dan hak itu dan Allah Taala menjadikan bagi hak itu pemimpin-pemimpin yang menyeru kepada-Nya dan Allah jadikan bagi batil dan salah itu pemimpin-pemimpin yang menyeru kepada api neraka, kerana menzahirkan kepada hamba-Nya supaya mereka berlebih-lebih mencari perkara yang benar itu dan kerana Allah Taala telah berjanji pada firman-Nya dalam Surah As-Sajadah ayat 13 yang bermaksud:

*"Tetapi telah tetap hukuman siksa dari-Ku; Dan sesungguhnya, Aku akan memenuhi mereka jahanam dengan semua jin dan manusia (yang pada masa hidupnya tidak berusaha untuk beriman dan beramal salih)."*

*"Tetapi telah tetap hukuman siksa dari-Ku; Dan sesungguhnya, Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan semua jin dan manusia (yang pada masa hidupnya tidak berusaha untuk beriman dan beramal salih)."*

Setengah dari janji Allah itu keluar Dajjal yang besar pada akhir zaman dan kerosakan yang dibuat oleh Dajjal dan pengikut-pengikutnya kepada manusia, kerosakkan yang sangat-sangat besar dari huru-hara (seperti yang dirasai pada peperangan dunia yang kedua dan lainnya yang akan menimpa seluruh dunia ini) maka sebelum datang kerosakan Dajjal besar itu, maka dahulukannya oleh beberapa kesalahan dalam perkara ugama dan sesat iktikad kerana membuka jalan bagi Dajjal besar itu keluar dan alamat-alamat dan tanda-tanda ada banyak menunjukkan hampir Dajjal itu akan keluar (bagaimana tersebut dalam Al-Quran, kitab-kitab hadis dan kitab-kitab karangan ulama Islam).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya: *"Tiada sesuatu yang dibuat dan direka sekarang oleh semuanya kerana bekalan bagi fitnah Dajjal besar itu."* Ini hadis sahih dan diriwayatkan dengan jalan mauquf dan marfu', segala rekaan dan kepandaian dalam pertukangan telah memenuhi dunia ini dan akan bertambah-tambah kepandaian itu dan kebuluran akan mendahului Dajjal itu sedikit demi sedikit, ketakutan dan kebimbangan umat-umat sekarang bertambah-tambah pada menghadapi huru-hara dan peperangan (bagaimana dirasai sekarang dan pendapat-pendapat, fikiran-fikiran salah bukan tulen dan perkara-perkara kufur dan murtad berlaku sedikit demi sedikit daripada orang-orang Islam yang jahil dan dari anjuran musuh-musuh Islam). Adapun rahsia berlaku perkara yang pelik dan luar biasa di tangan orang-orang ahli sesat dan salah dan batil itu, kerana setengah dari benda-benda yang pelik (khawariq) itu datang dari pihak roh manusia, apabila manusia berusaha dan bersungguh-sungguh pada menyalahi adat kebiasaan dan kemahuan jisim dan badan dari perkara makan, tidur, percakapan dan berkhalwat bersendirian daripada orang, dan melawan adat kemahuan dan tuntutan badan, seperti kata perumpamaan:

*"Barangsiapa menyalahi adat badannya maka tersilaklah adatnya itu, maka zahirlah daripadanya beberapa perkara dan pekerjaan roh, tetapi orang sesat dan batil tiadalah terbit daripadanya dan dengan nur itu terpancar cahaya dan nur pengetahuan ke atas mereka (Ahlil-Haq) dan batil dan salah itu suatu gelap-gelita yang mencucurkan ke atas badan ahlil batil, maka hitam legamlah akal mereka dan buta hati mereka dari bertemu dengan hak dan benar dan pekak telinga dari mendengar perkara yang benar dan hak, bahkan tiadalah terlintas pada fikiran dan akal mereka akan hak dan benar bahkan hak dan benar pada mereka semacam sesuatu perkara yang tiada ada hakikatnya sama sekali dan tiada pernah didengar adanya dan Allah Taala telah menjadikan nur dan Allah Taala jadikan dari nur itu malaikat yang mulia dan Allah Taala jadikan mereka penolong-penolong dan pembantu-pembantu ahli-haq dengan menghulurkan sebab-sebab pada pendapat taufik dan tasdid dan lurus dan melakukan perkara-perkara yang pelik luar biasa (Kharqul-'Awaid), begitu juga Allah Taala jadikan gelap-gelita (Zalam), dan Allah jadikan daripadanya syaitan-syaitan, dan Allah jadikan mereka pembantu-pembantu dan penolong-penolong kepada ahlil-batil, dengan menghiaskan sebab-sebab istidraj dan sebab bagi bertambah-tambah rugi dan sebab berdaya membuat perkara-perkara yang luar biasa (Kharqul-'Awaid) tamat katanya."*

*WALLAHUAKLAM*

*(Bersambung)*

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 11 September, 1985 hingga ke hari Selasa 17 September, 1985 adalah seperti di bawah ini : ——**

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| September | | | | | | | | | | | | |
| 11–15 | 12.22 | 3.37 | 3.38 | 6.25 | 6.26 | 7.38 | 7.39 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.10 | 6.11 |
| 16–17 | 12.21 | 3.36 | 3.37 | 6.24 | 6.25 | 7.37 | 7.38 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.09 | 6.10 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# LEBIH 6,000 SUKARELAWAN SERTAI

# PERBUATAN MEMBUANG SAMPAH DI TEPI JALAN PATUT DIHENTIKAN

Oleh Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perbuatan membuang sampah-sarap, kayu-kayu dan kereta-kereta buruk di tepi jalan raya dan di tempat-tempat yang bukan dikhaskan sebagai tempat pembuangan sampah haruslah diberhentikan demi untuk menjaga alam sekitar negara kita.

Setiausaha Tetap Teknikal Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit berkata bahawa perbuatan itu bukan sahaja dilakukan oleh orang ramai malahan pemborong-pemborong, mekanik dan para pemilik kereta sering melakukan pembuangan sampah-sarap sehinggakan jalan raya menjadi kotor dan tidak manis di pandang mata.

"Perbuatan dan tabiat membuang sampah di tepi-tepi jalan dan di tempat-tempat yang bukan dikhaskan sebagai tempat pembuangan sampah patutlah diberhentikan demi untuk mewujudkan alam sekitar yang bersih di negara kita Brunei Darussalam," ujarnya dengan penuh harapan.

Pengiran Dr. Ismail yang juga Pengarah Kerja Raya menegaskan demikian ketika berucap di majlis pelancaran Kempen Kebersihan bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Bangunan Lembaga Bandaran di sini pada hari Ahad yang lepas.

Menurut Pengiran Dr. Ismail orang ramai haruslah ditunjuk ajar mengenai dengan peri mustahaknya menjaga kebersihan alam sekitar yang teratur dan berkesan pada setiap hari.

Di Negara Brunei Darussalam, jelas Pengiran Dr. Ismail perkara yang boleh mencemarkan alam sekitar kita ialah pembuangan sampah-sarap yang tidak senonoh yang dilakukan oleh yang tidak bertanggungjawab seperti di tepi-tepi jalan, di sungai dan di kawasan-kawasan yang bukan dikhaskan bagi tempat pembuangan sampah.

Di negara-negara yang lebih maju dan sesak, alam sekitar dicemarkan oleh berbagai-bagai bunyian dan kenderaan-kenderaan, sisa-sisa industri dan sebagainya. Tetapi bagi negara kita, jelasnya pencemaran alam sekitar seperti yang dihadapi oleh negara-negara maju belumlah sampai kepada tahap yang kritikal sungguhpun perkara ini sudah dapat kita rasa dan pandang sekarang.

"Pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh pembuangan najis yang tidak sempurna juga telah dapat kita elakkan dengan adanya usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan sistem saluran najis yang berkesan di kawasan-kawasan Bandar Seri Begawan; Kuala Belait dan Tutong dan juga di Muara yang sedang rancak dalam pembinaan pada masa ini," katanya.

Menurutnya, sampah-sarap dibuang pada setiap hari di negara ini berjumlah 100 metrik tan berpandukan kepada jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam yang berjumlah 214,000 orang ketika ini.

Jika jumlah ini kita bahagikan kepada daerah-daerah mengikut keramaian penduduk, maka setiap hari akan kita dapati Daerah Brunei dan Muara menghasilkan 64 metrik tan; Kuala Belait 28 metrik tan; Tutong 11 metrik tan dan Temburong tiga metrik tan pada setiap hari.

Memandangkan keadaan ini, jelas Pengiran Dr. Ismail maka amatlah perlu supaya kita berhati-hati dalam memastikan supaya sampah-sarap tidak akan menjadi pencemar alam sekitar yang berleluasan di negara ini.

Kempen Kebersihan pada hari itu disertai oleh seramai lebih 2,000 orang sukarelawan termasuk penuntut sekolah. Kempen itu akan berterusan selama empat bulan.



SETIAUSAHA Tetap Teknikal Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit memotong pita sebagai menandakan perasmian pelancaran Kempen Kebersihan bagi Daerah Brunei dan Muara. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



PENUNTUT-penuntut sekolah adalah kumpulan yang terbesar menyertai kempen kebersihan di Daerah Brunei dan Muara. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



PARA sukarelawan sedang membersihkan kawasan di tebing penambang di ibu negara. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



KAUM wanita tidak ketinggalan untuk turut serta dalam kempen kebersihan pada hari itu. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

# Menjaga kebersihan bukan satu usaha yang sukar

Oleh Zubaidah HS

TUTONG. — Usaha pada menjaga kebersihan alam sekitar di negara kita ini bukanlah merupakan satu usaha yang terlalu sukar untuk dicapai sepertimana yang dihadapi oleh negara-negara lain di mana undang-undang ketat terpaksa dikuatkuasakan.

Perkara ini memang diakui kerana sudah terdapat penduduk negara ini sedar terhadap hakikat kebersihan itu merupakan salah satu keperluan utama kepada setiap orang, jelas Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan semasa berucap merasmikan Pelancaran Kempen Kebersihan 1985 di Padang Kecil Bukit Bendera di sini Ahad lalu.

Katanya, kemahuan yang bersifat ingin melihat taraf kebersihan alam sekitar yang tinggi di negara ini tidak seharusnya tinggal sebagai satu harapan yang jauh untuk dicapai kerana semua ini terserah kepada kita penduduk di negara ini berganding bahu bersatu tenaga dengan satu tekad yang bersungguh-sungguh memelihara kebersihan alam sekitar negara ini sebagai satu 'commitment' wajib kepada setiap orang.

Selain daripada itu, tegas beliau, kesedaran terhadap perlunya menjaga kebersihan ini haruslah benar-benar sampai kepada setiap orang sama ada yang tinggal di kawasan bandar atau di kampung-kampung.

Dengan yang demikian jelas beliau lagi, kejayaan kempen ini sepertimana yang dihajati adalah bergantung kepada peranan yang serius dan menyeluruh yang dimainkan oleh semua penduduk negara ini dalam apa jua usaha dan rancangan yang dijalankan di sepanjang kempen tersebut.

"Dan janganlah setelah empat bulan kempen ini dijalankan kita akan menyerahkan kembali segala usaha menjaga kebersihan itu kepada pihak-pihak tertentu seperti Lembaga Bandaran" tambahnya.

Kempen kebersihan yang dijangka akan berjalan selama empat bulan yang bermula pada 1 September lepas adalah atas tajaan Syarikat Minyak Shell Brunei dengan kerjasama dari jabatan-jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek. Gambar oleh Haji Ahim bin Haji Ibrahim.

Di daerah ini, lebih dari seribu orang penduduk dari berbagai peringkat telah menyertai kerja memucang-mucang membersihkan kawasan-kawasan Pekan Tutong dan lain-lain tempat di sekitar Daerah Tutong, yang diketuai oleh Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya selaku tetamu kehormat di pelancaran tersebut, Pegawai Daerah Tutong Awang Abd Aziz bin Muhammad dan Penolong Pegawai Daerah Tutong.

# Peperangan olok-olok mendapat perhatian ramai

Oleh Ahat Ismail

Gambar oleh Harun Rashid

MUARA. — Pertunjukan peperangan olok-olok iaitu salah satu daripada 14 acara Hari Terbuka Angkatan Tentera Laut Muara menarik ramai perhatian para penuntut menyaksikannya.

Adegan peperangan itu seolah-olah benar berlaku di mana kedua pasukan terlibat, musuh dan pasukan keselamatan tidak henti-henti melepaskan tembakan dan pengeboman antara satu sama lain.

Pasukan Keselamatan (Angkatan Tentera Laut) dalam pertunjukan itu bertindak bagi menawan semula bangunan Ibu Pejabat Tentera Laut yang telah ditawan oleh pihak musuh. Pihak musuh membina benteng pertahanan yang kukuh di sekeliling bangunan ibu pejabat itu.

Oleh sebab kubu pertahanan musuh terlalu kebal dan sukar ditembusi, pasukan keselamatan dengan bantuan daripada Tentera Udara dan darat terus melancarkan serangan demi serangan.

Dalam pada itu dua buah kapal peluru berpandu dan sebuah kapal ronda laju menggunakan senjata-senjata mariam dan machine gun melepaskan tembakan bertalu-talu dari laut bagi melindungi pasukan pengempur khas yang dihantar dengan helikopter, boat-boat laju, kapal-kapal rotork di samping dua buah kereta perisai menyerang ke kubu-kubu pertahanan musuh di darat.

Di akhir pertunjukan, pasukan keselamatan akhirnya berjaya menawan semula pejabat tersebut dengan jayanya serta menawan banyak musuh, manakala di pihak pasukan keselamatan hanya mengalami sedikit kecederaan.

Selain pertunjukan peperangan itu, perlawanan menaiki tiang licin, menggolek batang di air, perlumbaan perahu getah, perlumbaan dalam drum serta perlawanan menangkap itik juga diadakan.

Terdahulu sebelum acara bermula, pembukaan rasmi Hari Terbuka itu telah dilakukan oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigadier Jeneral Dato Paduka Seri JPW Friedberger.

Hari Terbuka tersebut di adakan bersempena 24 tahun tertubuhnya ABDB dan ianya diadakan antara lain bertujuan bagi mendekatkan lagi perhubungan di kalangan keluarga-keluarga ABDB selain memperlihatkan tugas, tanggungjawab, dan aktiviti tentera kepada orang ramai.

"Dengan adanya aturcara yang disusun, kita berharap orang ramai bukan saja akan dapat mengenali Tentera Laut malah berpeluang melawat sekitar kawasan Hari Terbuka itu nanti," jelas beliau.

Menurutnya, tujuan penting Hari Terbuka itu memberi peluang kepada belia-belia supaya dapat berkecimpung dalam kerjaya tentera.

Tentera Laut ditubuhkan pada bulan Jun 1965 terdiri dari 18 orang askar infantri yang dilengkapkan dengan Perahu Tamoi dan Perahu Laju Penyerang yang dibuat dari aluminium. Pada mulanya unit ini dikenali sebagai 'Boat Section' kemudian 'Boat Company' setelah anggotanya bertambah.

Konsep operasi dan tugas unit ini ketika itu semata-mata untuk menyediakan kenderaan di air bagi Tentera Berjalan Kaki untuk tugas meronda dan membuat latihan di sungai-sungai.

Pada pertengahan tahun 1966, Boat Company telah menerima tiga buah kapal peronda sungai yang bernama KDB Bendahara, KDB Maharajalela dan KDB Kerma Indera. Pada waktu itu juga unit itu telah dilengkapkan dengan sebuah pesawat 'Hovercraft SRN5' yang kemudian diganti dengan jenis SRN6 pada tahun 1969. Pesawat itu digunakan bagi meronda pantai dan Teluk Brunei.

Pada tahun 1967, Boat Company telah dilengkapi dengan sebuah kapal laju, KDB Pahlawan. Ia dilengkapi dengan peluru berpandu dan meriam. Pada tahun berikutnya, Boat Company ditukar nama menjadi Angkatan Laut Pertama.

Angkatan Laut Pertama ini diperkuatkan lagi di awal tahun 70an dengan tiga buah kapal peronda pantai, sebuah kapal pendarat dan tiga buah kapal peronda laju. Pusat Pentadbiran Angkatan Laut Pertama berpindah ke pengkalan yang ada sekarang pada tahun 1975.

Angkatan Laut diperbesarkan lagi di antara tahun 1978 dan 1980 dengan menerima tiga buah kapal peluru berpandu yang moden bernama KDB Waspada, KDB Pejuang dan KDB Setria yang membolehkan Angkatan Laut menjalankan tugas melimpasi pantai di persisiran yang lebih luas dan dalam.

Kapal-kapal itu dilengkapi dengan senjata 'sofisticated' dan peluru berpandu jenis EXOCET.

Di awal tahun 1983, tanggungjawab Angkatan Laut dipertingkatkan lagi dengan tugas meronda pantai di samping terlibat dalam gerakan mencari dan menyelamat.

Pada pertengahan tahun 1983, pemerintahan dan pentadbiran Angkatan Laut telah diambil alih oleh pegawai tempatan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Juragan Laila Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Awang Kifli bin Orang Kaya Lela Setia Haji Razali.

Pada 1 Januari 1983, nama Angkatan Laut telah ditukar menjadi Tentera Laut, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



ORANG ramai berkesempatan meninjau secara dekat dan berpeluang menaiki kapal-kapal perang di Hari Terbuka ABDB.



INI adalah sebuah alat pengesan bahan letupan. Alat tersebut juga berkeupayaan mengangkat serta memindah ke mana-mana tempat.



BEBERAPA orang kanak-kanak dengan penuh minat memerhatikan peralatan tentera dengan diperhatikan oleh dua orang tentera.

## Berkursus di Bangkok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Kanan dari Jabatan Penerbangan Awam telah menghadiri kursus selama empat hari di Bangkok.

Mereka ialah Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metusin, Pemangku Timbalan Pengarah Penerbangan Awam dan Awang Sharikan bin Dato Haji Alikhan, Pegawai Revenue dan Statistics mengikuti kursus Workshop (Bengkel) Ekonomi Lapangan Terbang dan Kemudahan Laluan Udara.

Kursus yang bermula dari 2 hingga 6 September itu, adalah anjuran Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organisation — ICAO) di Bangkok, Thailand.

## PENJARA 18 BULAN KERANA RASUAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Guru Besar Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas, Awang Said bin Haji Bakir berusia 39 tahun, telah mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini pada 31 Ogos lepas atas empat tuduhan menerima rasuah berjumlah $8,100.00.

Wang tersebut adalah sebagai hadiah daripada Awang Haji Samat bin Haji Ibrahim tuan punya Syarikat Haji Samat bin Ibrahim dan Anak-Anak, kerana telah menyediakan dan meninggikan tuntutan-tuntutan bagi bulan-bulan Mac hingga Oktober 1984 ke bahagian rancangan permakanan sekolah-sekolah di Jabatan Pelajaran, bagi membolehkan lebih banyak pembayaran dibuat kepada syarikat tersebut daripada yang sepatutnya berhubung dengan pembekalan barang-barang makanan ke sekolah berkenaan, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 6(a) dan 6(c) dari Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981.

Awang Said telah dijatuhkan hukuman penjara selama 18 bulan bagi tiap-tiap satu kesalahan yang akan berjalan serentak dan diperintahkan untuk membayar balik wang rasuah sebanyak $8,100.00 yang telah diterimanya itu kepada kerajaan, yang mana jika gagal akan dikenakan hukuman penjara tambahan selama 12 bulan lagi.

## IKUTI KURSUS DI LUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lagi Timbalan Pengawal Pasukan Bomba kini berada di Singapura bagi mengikuti kursus selama sebulan.



KETERANGAN gambar dari kiri Dayang Raini, Awang Jamai dan Awang Abd. Jalil.

Awang Haji Wahabi bin Haji Metussin mengikuti Kursus Senior Airport Fire Officer di Civil Aviation Training Center, Singapura mulai 9 September hingga 11 Oktober.

Sementara itu empat orang kakitangan Jabatan Muzium Bahagian Arkib Negara kini berada di Kuala Lumpur untuk mengikuti kursus penempatan selama tiga bulan dalam bidang Pentadbiran dan Penyelarasan Arkib.

Dua daripadanya ialah Awang Jamai bin Puasa dan Dayangku Hajjah Khatijah binti Pengiran Haji Abd Rahman mengikuti kursus bidang Pentadbiran Arkib.

Sementara Dayang Raini binti Haji Md Salleh mengikuti kursus Pengurusan Rekod manakala Awang Mohd Jalil bin Haji Abd. Ghafar mengikuti kursus dalam bidang Reprografi (Mikrofilem).

# BANK DUNIA BANTU NEGARA ANGGOTA BAGI PEMBANGUNAN PELBAGAI BIDANG

Oleh Mohd. Salleh bin Abdul Latif

### Pengenalan

Sepanjang bulan September hingga Oktober 1984 tahun lalu saya telah membicarakan tentang pertubuhan khas yang bergabung dengan PBB dengan tidak menyentuh tentang perbadanan kewangan yang bergabung dengan PBB.

Jadi, keluaran kali ini kita akan menyentuh mengenai dengan perbadanan kewangan yang bergabung dengan PBB itu yang terdiri daripada Bank Dunia, Perbadanan Kewangan Antarabangsa, Kumpulan Wang antarabangsa dan menyentuh sepintas lalu tentang IDA iaitu Persatuan Pembangunan Antarabangsa yang sudahpun saya bicarakan dalam rencana terdahulu.

### Penubuhan Bank Dunia

Bank Dunia yang juga dikenali sebagai Bank Pembinaan dan Pembangunan Antarabangsa (WORLD BANK — International Bank for Reconstruction and Development) dibentuk dalam bulan Julai 1944 hasil dari satu Persidangan Kewangan sebaik-baik sahaja Perang Dunia Kedua hampir tamat.

### Bergabung dengan PBB

Bank Dunia yang mula bergerak pada 25 Jun 1946 ini bergabung dengan PBB pada 15 November 1947 lalu diserapkan sebagai Pertubuhan Khas PBB yang mempunyai perlembagaannya yang tersendiri.

### Pentadbir Bank Dunia

Lembaga Pengelola yang bermesyuarat setahun sekali mentadbir Bank Dunia ini dan mengamanahkan tanggungjawab tersebut kepada 18 orang Pengarah Kerja yang bekerja berasingan tiga bulan sekali di Ibu Pejabat Bank Dunia di Washington D.C.

Pegawai tertinggi Bank dunia ialah Presiden Bank Dunia yang dilantik oleh Pengarah-Pengarah Kerja.

### Tujuan Bank

Bank Dunia bertujuan untuk menolong negara anggotanya dengan cara memberikan pinjaman bagi keperluan projek-projek pembangunan yang meliputi pelbagai bidang seperti pembinaan jalan raya, perairan, kesihatan, pendidikan, pengangkutan, industri dan macam-macam lagi.

Peminjaman wang dari Bank Dunia ini dikenakan bunga mengikut kadar peratus yang berpatutan. Menurut peraturan Bank Dunia ia hanya boleh meminjamkan wang untuk pembangunan ekonomi saja.

### Negara Yang Boleh Meminjam

Bank Dunia memberi pinjaman kepada negara-negara anggotanya yang kini berjumlah 147 buah negara anggota. Kedua, badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan kerajaan. Dan ketiga ialah badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan tetapi mestilah dijamin oleh sesebuah kerajaan.

### Modal Bank Dunia

Bank Dunia memerlukan modal untuk dipusingkan bagi pembahagian pinjaman yang dipohon oleh negara anggota jadi dana untuk memberi pinjaman ini datangnya dari sumbangan semua negara angggota, dari pasaran wang antarabangsa dan dari sumbangan negara-negara kaya. Tetapi Bank Dunia pernah mengalami kekurangan dana yang akan dipinjamkan kepada negara-negara berkembang akibat dari krisis kewangan antarabangsa diberati pula dengan resesi ekonomi dunia di awal tahun 80an.

### Punca Kekurangan Dana

Punca kekurangan dana Bank Dunia begitu sederhana kerana negara-negara kaya di dunia tidak mahu menambah dana sumbangan disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dalam negeri di samping kesulitan ekonomi yang dialami oleh negara yang meminjam.

Kedua, ketidak mampuan negara pemiutang untuk menjelaskan pinjaman itu ditekan lagi oleh keadaan kewangan antarabangsa dan ekonomi dunia.

**BANK Dunia memberikan pinjaman kepada negara-negara anggotanya yang kini berjumlah 147 buah negara-negara anggota. Kedua, badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan kerajaan dan ketiga ialah badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan tetapi mestilah dijamin oleh sebuah kerajaan.**

### Mengawasi Pinjaman

Bagi mempastikan bahawa pinjaman dari Bank Dunia itu benar-benar dimanfaatkan oleh negara pemiutang, pemohon diperlukan menyatakan dalam dokumen perjanjian itu tentang rancangan-rancangan yang hendak dibelanjakan dengan wang pinjaman itu. Dalam hal ini agar tuntutan perjanjian ini sungguh-sungguh dipenuhi maka pegawai-pegawai dari Bank Dunia akan dihantar ke negara berkenaan bagi meninjau kemajuan rancangan yang dilaksanakan.

Pakar-pakar yang berkait dengan rancangan itu akan mengawasi dari masa ke satu masa dan pakar-pakar ini akan menghantar laporan-laporan kemajuan mengenai rancangan yang dibuat hasil dari dana pinjaman Bank Dunia agar pinjaman itu tidak disalahgunakan.

### Jumlah Pinjaman Setakat Ini

Sejak tahun 1946 hingga akhir bulan Jun 1984 Bank Dunia telah memberikan pinjaman sejumlah lebih 135 bilion ringgit Amerika bagi membiayai projek pembangunan di 133 buah negara dan kawasan.

Satu jumlah yang agak lumayan yang kalau ditaksirkan dengan ringgit Brunei dengan kadar tukaran wang sekarang ialah kira-kira 2982 bilion ringgit Brunei.

Dengan membaca angka ini saja, kita dapat membayangkan betapa banyaknya projek pembangunan yang sudah dimanfaatkan bagi keperluan jutaan penduduk dunia sejagat ini.

### Keuntungan Bank Dunia

Pendapat yang diperolehi dari tuntutan bunga merupakan sumber keuntungan Bank Dunia.

Bayangkan saja, ada setengah negara pemiutang sekarang ini tidak mampu untuk membayar bunga hutang, apatah lagi hutang pokok yang seolah-olah dibekukan buat sementara.

Dunia di tahun-tahun terkebelakangan ini dihantui oleh masalah hutang luar negeri negara berkembang yang kalau dilarutkan boleh memporak-perandakan sistem kewangan antarabangsa ditambah lagi dengan kemelesetan ekonomi dan kuatnya nilai ringgit Amerika kerana pinjaman dari Bank Dunia diberikan dalam bentuk ringgit Amerika. Ya, kenaikan suku bunga pinjaman di Amerika Syarikat saja memeningkan kepala-kepala ketua-ketua negara pemiutang.

### Nasihat Teknik Dari Bank Dunia

Bank Dunia bukan saja memberikan pinjaman malah juga memberikan nasihat teknik kepada negara anggotanya. Pakar-pakar dari Bank Dunia dihantar ke negara-negara yang memohonnya bagi membantu pengatur rancangan-rancangan secara bersistem kerana adanya setengah negara berkembang yang masih dungu tentang mana satu rancangan yang patut diutamakan, atau yang layak mendapat bantuan antarabangsa. Kadang-kadang rancangan yang dijalankan itu tidak sempurna, asal atas nama saja, dalam hal inilah Bank Dunia menawarkan pakar-pakar mereka untuk memberikan nasihat dengan tujuan agar negara berkenaan itu dapat mengatur rancangan yang teratur dan membantu untuk dijadikan dasar pembangunan negara.

Kerananya, dunia Bank Dunia enggan meminjamkan wang kepada negara-negara yang tidak menentu dasar pembangunan ekonominya dan sosio-politiknya begitu kacau.

### Kemampuan Negara Pemiutang

Dari tahun ke setahun kemampuan negara pemiutang untuk menjelaskan pinjamannya kian berada di taraf yang begitu parah. Negara akan berkembang mempunyai darjat kemajuan ekonomi yang masih hijau, dan bila negara ini berhutang membayar balik wang pinjaman itulah yang sering menemui kebuntuan.

Lain lagi halnya dengan beberapa buah negara yang begitu lumayan berhutang untuk jangka pendek dan bilangan negara-negara yang sudah ke taraf 'tidak mampu berhutang' kian bertambah di rantau dunia ini. Istilah 'tidak mampu berhutang' kerana bank-bank sudah segan-silu untuk menghutangkan bukan kerana hormat atau takut tapi kerana hutang keliling pinggang sudah begitu banyak hinggakan kadar mata wang negara berkenaan terpaksa diturunkan ke paras yang diluar jangkauan pasaran kewangan antarabangsa dunia.

### Mengatasi Masalah "Tidak Mampu Berhutang"

Bagi mengatasi masalah ini ialah Bank Dunia menubuhkan Persatuan Pembangunan Antarabangsa (rencana ini sudah dibicarakan dalam keluaran terdahulu) yang mengenakan kadar yang begitu lunak dan syarat yang longgar.

Persatuan ini bergabung dengan Bank Dunia, dan IDA mempunyai kumpulan-kumpulan wangnya sendiri. Dari kumpulan wangnya ini negara yang tidak mampu berhutang seperti istilah di atas menggunakan kemudahan ini.

### Rumusannya

Bank Dunia bukan saja bertugas sebagai badan antarabangsa yang memberikan pinjaman wang kepada negara anggota bagi membiayai projek-projek pembangunan di negara-negara berkembang, ia juga menyumbangkan perkhidmatan kepakaran kepada negara anggota.

### Penubuhan Perbadanan Kewangan Antarabangsa

Perbadanan Kewangan Antarabangsa atau International Finance Corporation (IFC) ditubuhkan pada bulan Julai 1956 yang merupakan sebuah perbadanan yang bergabung dengan Bank Dunia.

### Pengabungan Dengan PBB

IFC diserapkan sebagai pertubuhan khas PBB pada 20 Februari 1957 iaitu enam bulan setelah International Finance Corporation ditubuhkan.

### Tujuan IFC

IFC bertujuan untuk membantu kadar perkembangan ekonomi di negara-negara anggotanya dengan cara memberikan bantuan kepada syarikat-syarikat swasta (bukan milik kerajaan) yang tidak cukup modal bagi pembesaran perusahaan mereka.

### Pusingan Modal

Modal yang terkumpul dari negara anggota ini dipusingkan dengan cara melabur dalam perusahaan yang baru atau yang sedang dijalankan berserta dengan modal persendirian syarikat berkenan.

Pelaburan serupa ini tidak ada jaminan dari kerajaan berkenaan, jadi ia merupakan suatu risiko kerana modal itu tidak berbentuk bunga pinjaman seperti yang dilakukan oleh Bank Dunia.

### Penanaman Modal

Penanaman modal kebanyakannya dilaburkan kepada rancangan-rancangan yang bercorak perusahaan seperti perusahaan getah, bijih timah dan lain-lain lagi ataupun disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan kewangan yang lain yang berfungsi dalam pembangunan perusahaan itu.

Penanaman modal ini dilakukan kepada negara anggotanya saja yang tergolong negara berkembang kerana IFC tidak berminat malah mengikut dasarnya tidak dibenarkan menanam modal di negara-negara yang sudah maju.

Bersama dengan pelaburan-pelaburan dari pihak swasta, penanaman modal IFC dilakukan terhadap perusahaan itu.

### Pegawai Bertugas

Walaupun IFC merupakan badan gabungan dengan Bank Dunia tetapi ia tetap sebagai sebuah badan yang lengkap, tersendiri dan mempunyai kumpulan wang yang tersendiri yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai petugas serta kakitangannya yang tersendiri.

**BANK Dunia bukan sahaja bertugas sebagai badan antarabangsa yang memberikan pinjaman wang kepada negara anggota bagi membiayai projek-projek pembangunan di negara-negara berkembang, ianya juga menyumbangkan perkhidmatan kepakaran kepada negara-negara anggota.**

Walau macam manapun Presiden Bank Dunia bertugas sebagai Pengerusi 'ex officio" Lembaga Pengarah IFC.

### Kesimpulannya

IFC merupakan yayasan yang menanam modal dalam rancangan perusahaan swasta tanpa adanya jaminan dari kerajaan dalam mana wang yang dilaburkan dikeluarkan dari simpanan wang IFC.

### Penubuhan Kumpulan Wang Antarabangsa

Kumpulan Wang Antarabangsa yang Inggerisnya dikenali dengan panggilan International Monetary Fund (IMF) dibentuk dalam tahun 1945 setelah perkara-perkara perjanjian mengenainya digubal di satu persidangan kewangan Bangsa-bangsa Bersatu di New Hampshire pada tahun 1944.

### Bergabung Dengan PBB

IMF yang bergiat mulai bulan Mac 1947 ini bergabung dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 15 November 1947.

### Tujuan IMF

IMF dibentuk bagi menjadikannya sebuah badan tetap yang mengendalikan kewangan antarabangsa dengan cara perundingan dan kerjasama antarabangsa seperti:

Bagi keseimbangan kemajuan dan perkembangan dalam lapangan perdagangan antarabangsa dengan hasrat memajukan ke rangka ekonomi negara anggota.

Menyelaraskan pertukaran wang asing di samping menjaga peraturan pertukaran mata wang dunia yang berdasarkan pertandingan.

Memasarkan mata wang kepada negara anggota bagi membantu mereka dalam mengatasi kesesakan membayar wang pinjaman asing.

### Pentadbiran IMF

IMF ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pengelola, sebuah Lembaga Pengarah Kerja, seorang Pengarah Urusan dan sebuah Jabatan Pentadbiran.

Lembaga Pengelola juga menyerahkan kuasa-kuasa kepada Lembaga Pengarah Kerja yang menjalankan kerja-kerja harian IMF. Pengarah Urusan dilantik oleh Pengarah-Pengarah Kerja yang mana Pengarah Urusan ini akan mempengerusi mesyuarat Lembaga Pengarah Kerja di samping menjadi pegawai tertinggi jabatan yang mentadbir kerja harian IMF.

### Mesyuarat IMF Dengan Bank Dunia

IMF dan Bank Dunia mengadakan pertemuan tahunan gabungan kerana memang peranan kedua lembaga kewangan ini tidak boleh dipisahkan. Yang dirundingkan adalah keadaan kewangan dan ekonomi dunia dan bagaimana cara memberi bantuan kepada negara berkembang selanjutnya.

Meskipun masalah terlalu banyak untuk dirundingkan dua perkara yang agak menonjol, pertama, masalah hutang luar negeri negara-negara berkembang yang banyak menimbulkan krisis

Lihat muka 10

# AMALKAN PRINSIP KERJA YANG PRODUKTIF — Dato Dr. Hj. Johar

Oleh Haniza Abdullah

KIULAP. — Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin menasihatkan kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan supaya sentiasa mengamalkan prinsip pekerjaan yang produktif dan maksima.

Prinsip itu katanya, akan membawa kita ke arah pentadbiran yang lebih sempurna dan berkesan tanpa pembaziran tenaga, wang, masa dan kebendaan.

Pentadbiran yang cergas lagi produktif menurut Dato Dr. Haji Johar tidak akan melemahkan semua jentera tenaga manusia, di mana penggunaannya sangat-sangat digunakan terhadap penggunaan penuh tenaga manusia.

"Semoga dengan adanya sifat demikian ini jabatan ini boleh menjadi model atau tiruan kepada jabatan kerajaan yang lain di mana kakitangan jabatan ini mempunyai pegawai dan kakitangannya yang penuh dedikasi, rajin, ikhlas dan amanah mengembeling tenaga tanpa diarah dan dinasihati," ujarnya.

Dato Dr. Haji Johar berucap demikian kepada kira-kira 500 orang pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan di majlis sambutan ulang tahun pertama pembukaan rasmi Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini minggu lepas.

Menurutnya lagi, jabatan berkenaan mempunyai pelbagai kategori kerjaya sama ada ianya berupa professional para medica, semi professional dan non professional yang boleh dikumpulkan sebagai perkhidmatan pentadbiran awam.

Pekerjaan dan tanggungjawab kakitangan jabatan ini katanya, adalah unik di samping memerlukan daya pemikiran yang cergas, berkesan lagi amanah.

Kebersihan pentadbiran dan pengurusan yang dipikul oleh kita semua adalah warisan dan tatasusila yang diperlukan dan hendaklah diamalkan setiap masa.

Beliau menaruh harapan agar prestasi yang telah dicurahkan itu akan berkekalan ke tahap yang tinggi dan dinamik.

Pengarah Perjawatan, Awang Haji Mohd Kassim bin Haji Mohd Daud menjadi tetamu kehormat di majlis itu dan seterusnya berkesudian menyampaikan sijil-sijil dan cenderamata kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang telah bersara dan sijil-sijil kepada jururawat dan bidan yang terbaik.

Penyampaian sijil-sijil kepada jururawat dan bidan yang telah lulus di bidang Kejururawatan dan Perbidanan telah disampaikan oleh Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin.

Majlis pada petang itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Abd. Latif dan seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan dari pengerusi majlis iaitu Awang Harun bin Haji Ismail.

Turut menyerikan lagi majlis tersebut ialah persembahan lagu koir Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha oleh kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan.



PENGARAH Perjawatan, Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Mohd. Daud menyampaikan sijil dan cenderamata kepada salah seorang kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang telah bersara. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



PERSEMBAHAN lagu koir Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang telah dinyanyikan oleh kakitangan jabatan berkenaan. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

# BANK DUNIA BANTU NEGARA ANGGOTA

Dari muka 9

terutama di sebelah Latin Amerika. Kedua, masalah 'proteksionisme' yang dilakukan oleh negara industri.

Hutang-hutang luar negeri negara-negara berkembang dan sikap 'proteksionsime' ini turut menjejaskan kemantapan sistem kewangan antarabangsa.

### Bantuan IMF

IMF ialah sebuah perbadanan kewangan tetapi fungsinya berlainan dengan Bank Dunia atau IFC. IMF tidak menyumbangkan bantuan modal jangka panjang bagi rancangan pembangunan sesebuah negara anggota.

IMF membantu negara berkembang dalam mengatur dasar-dasar ekonomi bagi mengatasi masalah perdagangan dan pembayaran bil-bil luar negeri. Misalnya, perbelanjaan sesebuah negara melebihi dari hasil pendapatan, jadi sudah tentu sukar menjelaskan bayaran bil-bil luar negeri. Menerusi IMF, negara berkenaan boleh membeli wang yang dikehendaki oleh tuntutan bil-bil itu menukarkan nilai matawangnya. Jadi dalam waktu tertentu, negara berkenaan itu dapat membeli balik wangnya dari IMF yang telah dijadikan kumpulan wang IMF untuk dijadikan modal pusingan.

IMF juga menyediakan peruntukan wang kecemasan bagi keperluan negara-negara anggota bila-bila masa bagi mengatasi kepentingan kewangan yang menimpa secara mendadak.

Kepada negara-negara yang terlalu bergantung pendapatannya kepada barangan dagangan yang nilai harganya turun naik, IMF juga menghulurkan bantuan istimewa kepada negara ini agar dapat menghindarkan dari kemelesetan pasaran dunia.

Bantuan-bantuan teknik juga disambungkan oleh IMF apabila diperlukan oleh negara anggota.

### Rumusannya

Sistem kewangan antarabangsa sesungguhnya dikawal oleh IMF sifatnya selaku pengatur sistem kewangan dunia, dan juga diluar sedar merupakan sebuah lembaga pola penyelamatan kepada negara-negara pemiutang.

# Orang ramai dipelawa jadi keluarga angkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai kini dipelawa untuk menjadi keluarga angkat bagi serombongan 252 orang belia dari negara-negara ASEAN dan Jepun yang akan tiba ke negara ini pada 31 Oktober hingga 4 November 1985, dengan sebuah kapal belia.

Rombongan tersebut adalah dalam rancangan Keluarga Angkat dan mereka adalah dalam siri lawatan ke negara-negara ASEAN.

Orang ramai yang ingin menjadikan belia-belia tersebut menjadi keluarga angkat bolehlah mengisikan borang-borang yang terdapat daripada Urusetia Rancangan Keluarga Angkat, Tingkat Tiga Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu seramai 36 orang belia-belia negara ini telah dipilih mengikuti rancangan Keluarga Angkat dan mereka diketuai oleh Awang Abu Bakar bin Moksin.

# MELATIH KANAK-KANAK CACAT PERLU MASA PANJANG

Oleh Aisah Piee

PULAIE. — Ibu bapa diharap mempunyai kepercayaan terhadap latihan dan bimbingan yang dikendalikan oleh Pusat Bimbingan dan Latihan di sini, bagi faedah kanak-kanak cacat dan orang-orang yang kurang bernasib baik di negara ini.

Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein berkata, lebih dari itu kita hendaklah mempunyai semangat ingin melihat kanak-kanak cacat menjadi pelatih yang berguna.

Berucap di Hari Terbuka Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat di Pusat Bimbingan dan Latihan di sini pada 2 September lepas, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan menjelaskan bahawa melatih kanak-kanak cacat sememangnya memakan masa yang panjang.

Bagaimanapun, katanya, insya-Allah, latihan akan mempunyai kualiti yang bermutu, sehingga penghantaran keluar negeri kepada bidang-bidang yang perlu.

Hari Terbuka yang diadakan buat pertama kalinya itu memberi peluang bagi ibu bapa yang anak-anak mereka mengikuti Kelas Bimbingan dan Latihan di pusat itu, menyaksikan bersama aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh anak mereka masing-masing.

Turut hadir di Hari Terbuka petang itu ialah penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Majlis itu bermula dengan taklimat yang telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat, Dayang Misnah Haji Bolhasan dan di akhiri dengan lawatan ke Kelas Kanak-Kanak Cacat dan Bengkel Kerjatangan Orang-Orang Buta.



PENGARAH Kebajikan Belia dan Sukan, YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein kelihatan sedang berbual dengan salah seorang pelatih ketika melawat Bengkel Kerjatangan Orang-Orang Buta. Gambar oleh Harun Rashid.

# SEJARAH GERAKAN KERJASAMA DI BRUNEI DARUSSALAM

Oleh: Pg Ahmad bin Pg. Metassan

**Kenyataan ini boleh kita ambil sebagai titik permulaan gerakan syarikat kerjasama di negara ini, kerana dari kenyataan Baginda itu satu Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Syarikat Kerjasama telah dapat digubal pada tahun 1975 yang akhirnya membawa kepada penubuhan Jabatan Kemajuan Kerjasama dan kini mempunyai Pusat Perbekalannya di Gadong.**

SYARIKAT Kerjasama di Negara Brunei Darussalam mula menempah dan membuka lambaran sejarahnya dengan adanya Undang-Undang Syarikat Kerjasama, 1975 yang mana telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Julai, 1975. Dari detik dan saat itulah pula menandakan bermula dan berkembangnya gerakan kerjasama di negara ini. Sekarang gerakan kerjasama di negara ini telah pun mencapai usia 10 tahun dan dalam usia yang semuda serta dalam jangka waktu yang sesingkat itu tentu sekali gerakan kerjasama di negara ini belum dapat menyaingi gerakan kerjasama di negara-negara lain terutama sekali di negara-negara yang telah lebih awal menerima gerakan itu. Walau bagaimanapun berkat bantuan, bimbingan serta tunjuk ajar pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang tertentu gerakan kerjasama telah mula menampakkan pertumbuhan yang sihat dan subur dan adalah tidak dapat disangkal atau dinafikan lagi bahawa gerakan kerjasama di negara ini telah memainkan peranannya dalam memperbaiki taraf sosial dan ekonomi rakyat dan penduduk negara ini terutama sekali orang-orang Melayu.

Melalui sejarah perkembangan gerakan kerjasama antarabangsa, kita akan dapat mengenal beberapa orang tokoh, pengasas serta pelopor gerakan kerjasama seperti Robert Owen di England, Coady di Kanada, Sapiro di Amerika, Raiffeisen di Jerman dan Kogawa di Jepun. Kesemua mereka ini bukanlah terdiri dari orang-orang biasa tetapi adalah terdiri dari golongan masyarakat yang bertaraf pemimpin yang disegani, dihormati serta disayangi masyarakat dan mereka ini mempunyai sifat cekal dan tabah hati dalam memperjuangkan nasib kaum bangsa mereka yang tertindas. Walaupun mereka ini telah tiada namun nama mereka hingga sekarang masih menjadi buah mulut para pemimpin dan ahli-ahli syarikat kerjasama di merata dunia dan latar belakang serta sejarah hidup mereka adalah menjadi kajian di mana-mana pengajian kerjasama (Co-operative Studies) baik di Eropah mahupun di negara-negara di sebelah sini. Sejarah telah mencatatkan nama mereka sebagai pejuang dan pembela untung nasib bangsa masing-masing terutama sekali di kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah.

Mengenai sejarah perkembangan gerakan kerjasama di negara ini pula, kita tidak banyak menyimpan keterangan-keterangan atau maklumat-maklumat mengenai siapa sebenarnya pengasas dan pembawa gerakan kerjasama itu ke negara ini pada mula dan asalnya. Tetapi apabila kita menyoroti satu kenyataan yang terkandung di dalam Undang-Undang Syarikat Kerjasama 1974 muka surat 110 ada termaktub di dalam KENYATAAN PENJELAS (EXPLANATORY STATEMENT) kenyataan yang berbunyi:

"Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk membolehkan penubuhan suatu gerakan kerjasama sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis yang telah berlangsung pada 17 Jun, 1970.

Dengan tertubuhnya suatu Gerakan Kerjasama dalam negeri ini, maka ia akan membolehkan usaha-usaha pada meninggikan taraf hidup rakyat, terutama di luar bandar."

Melalui sejarah dan juga pemahaman kita, syarikat kerjasama itu adalah berfungsi sebagai satu pertumbuhan ekonomi yang membela nasib masyarakat yang tertindas dan orang-orang miskin. Dengan yang demikian tentu sekali kita akan tertanya-tanya kenapakah Baginda menintahkan supaya gerakan kerjasama itu diberikan bertapak dan berkembang serta dibantu sepenuhnya sedangkan rakyat di negara kita sekarang ini terjamin ekonominya, tidak ada orang-orang yang boleh diistilahkan sebagai orang-orang miskin kerana selaku sebuah negara yang mempunyai dasar memelihara kesejahteraan rakyatnya setiap rakyat mendapat perhatian yang penuh dari kerajaan. Dalam perkara ini mereka yang memerlukan bantuan sentiasa dibantu oleh pihak kerajaan melalui jabatan-jabatan yang berkenaan. Selain dari itu, negara kita sekarang ini adalah sebuah negara yang kaya-raya dan semua hasil kekayaan negara itu pula sedang dikecap dan dinikmati oleh semua rakyat.

Menyedari akan hakikat ini dan memahami akan peranan gerakan kerjasama sebagai salah satu ejen pembawa kepada perkembangan sosial dan ekonomi rakyat serta dengan pemikiran dan pandangan yang jauh terhadap masa depan negara dan rakyat Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan supaya gerakan kerjasama itu diperkembangkan dan dimajukan di negara ini dengan tujuan agar perusahaan-perusahaan serta projek-projek yang berunsurkan kerjasama dapat diungkayahkan semata-mata untuk menambahkan lagi kekayaan negara dan juga kesenangan rakyat dan yang lebih penting sekali ialah supaya kekayaan negara itu dapat dinikmati oleh semua rakyat dan dengan yang demikian akan menjamin masa depan rakyat dan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Beredar pula kepada perkembangan dan kemajuan Syarikat-syarikat Kerjasama sejak 10 tahun yang lalu di mana penubuhan dan pengembangannya telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam jangka waktu 10 tahun Jabatan Kemajuan Kerjasama, satu-satunya Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab bagi perkembangan Syarikat-syarikat Kerjasama di negara ini telah berjaya menjalankan fungsinya sebagai jentera kerajaan untuk mengembang biakkan gerakan kerjasama sepertimana yang telah dititahkan dan dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sejak lulusnya Undang-Undang Syarikat Kerjasama 1975 hingga sekarang, Jabatan Kemajuan Kerjasama telah pun berjaya mendaftarkan sejumlah 85 buah Syarikat-syarikat Kerjasama yang mana adalah terdiri dari berbagai jenis dan corak perniagaan. Dari sejumlah 85 buah syarikat-syarikat yang mendaftar, hingga sekarang sejumlah 13 buah syarikat telah dibatalkan pendaftarannya. Pembubaran syarikat-syarikat tersebut kebanyakannya adalah disebabkan tidak mematuhi Undang-Undang Syarikat Kerjasama, 1975. Jenis-jenis Syarikat Kerjasama yang terdaftar di negara kita sekarang adalah seperti berikut:

| Jenis Syarikat | Banyaknya |
|---|---|
| Kedai Runcit | 34 |
| Pengangkutan | 6 |
| Stesen Minyak | 4 |
| Pertanian | 8 |
| Serbaguna | 8 |
| Nelayan | 6 |
| Pelajaran | 1 |
| Pemasaran | 1 |
| Pekerja | 1 |
| Pembekal (Batu & Pasir) | 2 |
| Kesatuan | 1 |
| Jumlah | 72 |

Dari sejumlah 72 buah syarikat yang masih berdaftar sekarang ini jumlah modal yang terkumpul ialah sebanyak $4,257,179.42 manakala bilangan ahli pula ialah seramai 7,359 orang. Berpandukan kepada perangkaan-perangkaan di tahun-tahun yang lalu, jumlah modal dan bilangan ahli yang disebutkan adalah dianggarkan semakin naik dari tahun ke tahun. Dari keadaan dan kedudukan ini telah menunjukkan kepada kita bahawa orang ramai khasnya rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari orang-orang Melayu telah memberikan sambutan yang baik dan menggalakkan terhadap hasrat dan cita-cita kerajaan untuk memperbaiki taraf sosial dan ekonomi orang-orang Melayu Brunei melalui kegiatan usaha niaga Syarikat-Syarikat Kerjasama. Walaupun bilangan Syarikat Kerjasama di negara kita pada masa ini terlalu sedikit tetapi sekurang-kurangnya kita telah melihat akan faedah-faedah yang boleh dikecap dan dinikmati oleh rakyat Brunei. Antara faedah-faedah yang jelas dan nyata di mata kita ialah kelahiran dan kemunculan masyarakat Melayu Brunei yang bersatu padu dalam bidang-bidang sosial dan perekonomian yang mana bidang-bidang ini adalah sebahagian dari intisari pembangunan negara dan pembangunan masyarakat kita sekarang. Seterusnya kelahiran syarikat-syarikat kerjasama di seluruh negara telah memperlihatkan kepada kita bahawa masyarakat Melayu Brunei tidak mahu tertinggal di belakang dalam bidang perniagaan dan ini pula sekali gus membuktikan akan keberanian masyarakat Melayu Brunei dalam meneroka bidang tersebut.

Oleh yang demikian gerakan kerjasama ini telah diperkembangbiakkan dan dimajukan kegiatannya di negara kita. Dalam konteks ini menghargai akan peranan gerakan kerjasama pada mewujudkan satu bentuk masyarakat Melayu Brunei yang bersatu padu dalam bidang sosial dan perekonomian telah menyempurnakan keinginan dan hasrat Baginda untuk melihat rakyat Brunei yang sentiasa bersatu padu dalam berbagai bidang kehidupan. Hanya dengan perpaduan dalam berbagai bidang akan dapat mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dan seterusnya keamanan dan kesejahteraan itu sendiri adalah urat dan nadi perkembangan dan pembangunan negara. Untuk menuju dan mencapai matlamat ini, kita selaku rakyat yang taat lagi setia kepada Raja dan Negara patutlah menceburkan dan melibatkan diri di dalam gerakan kerjasama dan di mana perlu dapat pula menghulurkan bantuan dan pertolongan dalam mengembangkan syarikat kerjasama dan dengan yang demikian syarikat kerjasama akan tetap dan terus hidup hingga ke anak cucu kita sebagai lambang perpaduan kita dalam bidang sosial dan ekonomi semata-mata untuk kepentingan masyarakat dan negara.

## Mesyuarat Agung BDAFA

KUALA BELAIT. — Mesyuarat Agung Persatuan Bola Sepak Amatur Belait (BDAFA) akan diadakan pada hari Ahad 15 September ini.

Mesyuarat tersebut akan diadakan di bangunan Kelab Ria Kuala Belait (KBRC) mulai jam 9.00 pagi. Antara agenda yang akan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah memilih ahli-ahli jawatankuasa persatuan berkenaan bagi tahun 1985/87.

Presiden BDAFA, Pengiran Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pengiran Haji Abas menyeru ahli-ahli jawatankuasa dan ahli-ahli gabungan supaya hadir ke mesyuarat tersebut.

## CERAMAH KESIHATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan ceramah kesihatan bertajuk 'Bagaimana Mencegah Penyakit Jantung' bertempat di Balai Pameran di sini pada hari Ahad 29 September jam 9.00 pagi.

Orang ramai yang berminat adalah dipersilakan hadir ke tempat dan tarikh yang telah ditetapkan itu.

## Pameran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua pameran lukisan kini sedang diadakan di ibu negara. Pameran lukisan hasil seorang pelukis tempatan, Awang bin Sitai diadakan di Bubungan 12, Jalan Residency selama dua minggu. Pameran tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Teknikal Kementerian Pembangunan, Pg Dr Ismail bin Pengiran Haji Damit pada hari Ahad lepas.

Satu lagi pameran diadakan di Hotel Sheraton Utama. Pameran selama seminggu itu mempamerkan lukisan-lukisan hasil dari 10 orang ahli Persatuan Pelukis Brunei.

Pameran tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar pada hari Isnin lepas.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak Dari 11 hingga 17 September 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis | 11.9.1985 | Rabu | 8.30- 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu | 11.9.1985 | Rabu | 9.45-10.45 pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Masin | 11.9.1985 | Rabu | 11.00-12.00 t/hari |
| Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang | 11.9.1985 | Rabu | 2.00- 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong | 14.9.1985 | Sabtu | 8.30- 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 14.9.1985 | Sabtu | 9.45-10.45 .. |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong | 14.9.1985 | Sabtu | 11.00-12.00 t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 14.9.1985 | Sabtu | 2.00- 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan OKSB Ki'anas | 14.9.1985 | Sabtu | 3.15- 4.15 .. |
| Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut | 14.9.1985 | Sabtu | 4.30- 5.30 .. |
| Di hadapan rumah Penghulu Mukim Serasa Muara | 15.9.1985 | Ahad | 9.00-10.00 pagi |
| Di kawasan rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 15.9.1985 | Ahad | 10.15-11.15 .. |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 15.9.1985 | Ahad | 11.30-12.00 t/hari |
| CUTI TAHUN HIJRAH | 16.9.1985 | Isnin | |
| Sekolah Rendah Kerajaan OKBI Subok | 17.9.1985 | Se'asa | 8.30- 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak | 17.9.1985 | Se'asa | 10.30-11.30 .. |

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI JURURAWAT (PERKHIDMATAN) (Bil.: 109/1985-1)

**Tanggagaji:** M. 11 — $1920 2015 2110 2205 2300 2395 2490 2585 2685 2775/EB/2870 2965 3060 3155 3250 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Jururawat Berdaftar Negara (SRN) atau yang sebanding dengannya.
b) Bidan Bersijil Negara (SCM) atau yang sebanding dengannya.
c) Lain-lain sijil jururawat yang khusus adalah satu kelebihan.
d) Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu adalah diutamakan tetapi tidak begitu perlu.
e) Berumur di antara 32 hingga 50 tahun.
f) Pengalaman bekerja mestilah terus menerus sebaik-baiknya dalam semua bidang jururawat. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun sebagai Jururawat dengan mempunyai kelulusan-kelulusan di atas.

**Tugas-tugas :**

i) Tugas-tugas am jururawat di wad-wad Perubatan, Pembedahan, Kanak-kanak, Sakit Puan dan Perbidanan, jururawat khusus di Unit Penjagaan Intensif dan Unit Buah Pinggang.
ii) Selaku pemeriksa dalam peperiksaan jururawat dalam Tiori dan Amali.
iii) Selaku pengawas dan pembimbing kepada semua jururawat peringkat rendah.

2. PEGAWAI JURURAWAT (PENGAJAR PERBIDANAN) (Bil.: 109/1985-2)

**Tanggagaji:** M. 11 — $1920 2015 2110 2205 2300 2395 2490 2585 2685 2775/EB/2870 2965 3060 3155 3250 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Jururawat Berdaftar Negara (SRN) atau yang sebanding dengannya.
b) Bidan Bersijil Negara (SCM) atau yang sebanding dengannya.
c) Diploma dalam Kursus Pengajar Perbidanan.
d) Mempunyai pengalaman sebagai Pengajar Perbidanan tidak kurang dari 2 tahun selepas mendapat kelayakan dari Sekolah Perbidanan yang diiktiraf dan boleh diterima. Boleh mengajar dalam Bahasa Percakapan Melayu adalah satu kelebihan.
e) Berumur di antara 35 hingga 50 tahun.

**Tugas-tugas :**

i) Mengajar di bilik darjah dan klinik bagi bidan-bidan pelatih dalam Latihan Perbidanan Bahagian I dan II.
ii) Menyediakan sukatan pelajaran dan jadual harian bagi Latihan Bidan-Bidan Pelatih.
iii) Menyusun penempatan Bidan-Bidan Pelatih ke wad-wad dan daerah.
iv) Boleh membuat penilaian dan laporan kemajuan ke atas Bidan-Bidan Pelatih.
v) Boleh mengatur pemeriksa-pemeriksa untuk Peperiksaan Kemajuan Perbidanan dan peringkat akhir bagi bahagian I dan II.
vi) Mengawas Sekolah Perbidanan jika dikhendaki dan berhubung dengan Pegawai Jururawat Kanan (Pengajar) yang mengawas Pusat Latihan Jururawat.
vii) Sanggup membuat semua tugas dan tanggungjawab yang melibatkan Sekolah Perbidanan.

3. PEGAWAI JURURAWAT (PEMBEDAHAN) (Bil.: 109/1985-3)

**Tanggagaji:** M. 11 — $1920 2015 2110 2205 2300 2395 2490 2585 2685 2775/EB/2870 2965 3060 3155 3250 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan :**

a) Jururawat Berdaftar Negara (SRN) atau yang sebanding dengannya.
b) Bidan Bersijil Negara (SCM) untuk pemohon perempuan atau yang sebanding dengannya.
c) Postgraduate Dip'oma dalam Teknik Bilik Bedah bagi pemohon-pemohon lelaki.

**Pengalaman :**

Pada masa memohon, pemohon-pemohon hendaklah mempunyai pengalaman bekerja terus-menerus sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam Bilik Bedah Umum atau Perbidanan pada peringkat kanan.

**Tugas-tugas :**

i) Selain daripada tugas-tugas umum Bilik Bedah pada waktu bekerja biasa, mestilah juga sanggup menjalankan tugas-tugas panggilan bagi kes-kes kecemasan.
ii) Mungkin dikehendaki menduduki peperiksaan jururawat di kedua-dua peringkat iaitu permulaan dan akhir dalam kertas peperiksaan pembedahan dan jururawat pembedahan.
iii) Sebagai pengawas dan pembimbing kepada penuntut dan jururawat pelatih yang ditempatkan di Bilik Bedah.
iv) Sanggup bekerja di semua daerah di mana perkhidmatan sangat diperlukan

4. PEGAWAI JURURAWAT (KESIHATAN OTAK) (Bil.: 109/1985-4)

**Tanggagaji:** M. 11 — $1920 2015 2110 2205 2300 2395 2490 2585 2685 2775/EB/2870 2965 3060 3155 3250 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan :**

a) Jururawat Berdaftar Negara (SRN) atau yang sebanding dengannya.
b) Jururawat Otak Berdaftar atau yang sebanding dengannya.
c) Bidan Bersijil Negara (SCM) untuk pemohon-pemohon perempuan dan lain-lain sijil jururawat kepakaran untuk pemohon lelaki.
d) Sedikit pengetahuan Bahasa Melayu.

**Pengalaman :**

Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman bekerja terus-menerus tidak kurang dari 5 tahun, setelah lulus dengan mendapat sijil-sijil di atas, dalam Jururawat Otak di Rumah-Rumah Sakit Kerajaan, dan memegang jawatan sebagai Pegawai Jururawat (Kesihatan Otak) ketika permohonan dihadapkan.

**Tugas-tugas :**

i) Sebagai pengawas dalam tugas-tugas Jururawat Umum bagi pesakit-pesakit otak.
ii) Boleh menyertai peperiksaan jururawat di kedua-dua peringkat iaitu permulaan dan akhir.
iii) Boleh ikut serta dalam memberikan syarahan kepada jururawat-jururawat dan ceramah kepada pesakit-pesakit dan keluarga mereka.
iv) Ikut serta dalam perbincangan berkumpulan bersama kakitangan pesakit-pesakit otak dan keluarga mereka.
v) Boleh menyusun dan mengatur kegiatan-kegiatan yang berfaedah bagi pesakit-pesakit dalam persediaan mereka untuk diterima dan kembali kepada masyarakat.

**Lain-lain Syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan jawatan serta bilangan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 16 November, 1985. (E/62/61/2)

---

### PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama-nama projek:

1.1 Bilangan tawaran: JKP/15/1985
CADANGAN BINAAN 83 BUAH RUMAH RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA PERINGKAT 3A

1.2 Bilangan tawaran: JKP/16/1985
CADANGAN BINAAN 82 BUAH RUMAH RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA PERINGKAT 3B.

2.0 Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari:
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 18 hingga 28 September, 1985.

3.0 Kelayakan Pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150.00 (lukisan) bagi tiap-tiap tawaran.

5.0 Tarikh tutup: Hari Isnin, 30 September, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Syarat-syarat tawaran:

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:
Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat 4,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.
Bandar Seri Begawan,

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh lihat dan diperolehi dari:
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

---

### KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk menjahit pakaian seragam Pegawai-pegawai Penjara, membekalkan kain dan upah bagi tempoh di sepanjang tahun 1986.

2. Butir-butir lanjut mengenai dengan pakaian seragam dan borang tawaran boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Semua pakaian seragam hendaklah dijahit dengan memuaskan hati Pengarah Penjara. Jika sekiranya tidak memuaskan, semua pakaian seragam yang telah dijahit itu akan dikembalikan kepada pemborong berkenaan untuk diganti dengan yang baharu tanpa dikenakan apa-apa bayaran lebih. Benang yang digunakan bagi menjahit semua pakaian akan ditentukan oleh Pengarah Penjara.

4. Kontrak ini bolehlah diberhentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua bulan notis secara bertulis.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan "MENJAHIT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA, MEMBEKALKAN KAIN DAN UPAH" tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 30 September, 1985.

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

---

### NOTIS TAWARAN JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 30 September, 1985 bagi MERAWAT DAN MEMELHARA 'CLOSED CIRCUIT' TELEVISYEN DAN ALAT PEMBESAR SUARA DI BANGUNAN LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Butir-butir lanjut boleh didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara pada bila-bila masa di waktu pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang tertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat mestilah ditanda dengan perkataan "THE SERVICE AND MAINTENANCE OF CLOSED CIRCUIT TELEVISION AND PUBLIC ADDRESS SYSTEM AT THE LAPAU." Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada :—

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana juga tawaran.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN

(Di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 114/1985–1)
**Tanggagaji :** C.3-4 EB.5 — $1990-$2970 sebu'an. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan HND atau Diploma Tertinggi TEC di bidang Elektronik dan/atau komunikasi atau yang sebanding dengannya.
ATAU
b) Calon-calon mestilah memperolehi kelayakan di peringkat Sijil Penuh Teknologi City and Guilds (Telekom) atau Sijil Tertinggi B.T.E.C. (Elektronik atau Komunikasi) atau yang sebanding dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dalam jawatan Penolong Juruteknik Pemeliharaan.
ATAU
c) Calon-calon tanpa kelayakan akademik di atas tetapi telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun selaku Penolong Juruteknik Pemeliharaan dan boleh membuktikan pengetahuan teknikal yang tinggi kepada lembaga temuduga juga boleh dipertimbangkan. Bukti keupayaan praktikal yang bersesuaian dalam bentuk sokongan kuat dari ketua bahagiannya adalah perlu.

**Tugas-tugas :**

Juru-juruteknik Pemeliharaan biasanya bertanggungjawab kepada seorang Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Juruteknik, selalunya bertugas secara bersendirian untuk mengawasi, membetulkan dan memelihara kelengkapan-kelengkapan teknikal yang khusus yang mana adalah beredar dari bahagian ke bahagian.

2. PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN

(Di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 114/1985–2)
**Tanggagaji :** C.2-3 EB.4 — $1450-$2620 sebulan.
Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon hendaklah mempunyai Sijil Tertinggi BTEC dalam bidang elektronik dan/atau Telekom atau Tahun Kelima City and Guilds (Sijil Penuh Teknologi) dalam bidang Telekom atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya melalui kursus-kursus elektronik, elektrik atau komunikasi.
ATAU
b) Mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam jawatan Juruteknik Pemeliharaan Rendah atau yang sebanding dan telah lulus sekurang-kurangnya tahun ketiga BTEC (Elektronik) atau (Komunikasi) atau City and Guilds T3 (Telekom) atau City and Guilds 824 Radio TV Electronic Servicing Course tahun kedua juga boleh dipertimbangkan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Penolong Juruteknik Pemeliharaan adalah merupakan sebahagian daripada kumpulan yang secara berkumpulan ada'ah bertanggungjawab kepada seorang Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Juruteknik Pemeliharaan bagi membantu tugas-tugas membaiki dan merawat kelengkapan di kawasan-kawasan tertentu Radio dan Televisyen.

3. PEGAWAI PENERBITAN KANAN

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 114/1985–3)
**Tanggagaji :** C.3-4 EB.5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) i) Mestilah mempunyai kelulusan Higher National Diploma (HND)/TEC Higher Diploma dalam bidang penerbitan buku-buku dan majalah atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Mempunyai kelulusan Diploma yang diakui dalam bidang penerbitan dan percetakan serta sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman dalam mengurus dan menyelenggarakan kerja-kerja penerbitan.
b) Pernah mengetuai cawangan atau bahagian.
c) Pernah mengikuti latihan penempatan di jabatan atau firma yang mengendalikan penerbitan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 6 November, 1985.
(E/604/80)

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TUKANG LUKIS

(Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan)
(Bil : 112/1985-1)
**Tanggagaji :** E.1-2-3 EB.4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya lulus Tingkatan II atau yang sebanding dengannya dan mempunyai keputusan yang baik di dalam mata-mata pelajaran Lukisan dan Ilmu Hisab.
b) Mempunyai pengalaman di dalam kerja-kerja Tukang Lukis.
c) Umur di dalam lingkungan 18 dan 30 tahun.

2. OPERATOR RAWATAN

(Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Kementerian Pertahanan)
(Bil : 112/1985-2)
**Tanggagaji :** E.1-2-3 EB.4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Berumur antara 18 hingga 45 tahun.
b) Lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengannya.
c) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja membuat Rawatan Kenderaan Jenis Berat/Ringan sekurang-kurangnya 2 tahun.
d) Mempunyai pengetahuan yang baik tentang alat-alat Kelengkapan Rawatan Kenderaan dan tahu caracara menggunakan alat-alat tersebut adalah merupakan satu kelebihan.
e) Keutamaan akan diberi kepada bekas-bekas tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang pernah bekerja sebagai servicing operator.

3. PEMANDU TINGKAT I

(Di Jabatan Jerudong Park)
(Bil : 112/1985-3)
**Tanggagaji :** E.3-4-5 EB.6 — $550-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya 3 tahun.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

4. PEMANDU TINGKAT KHAS

(Di Jabatan Jerudong Park)
(Bil : 112/1985-4)
**Tanggagaji :** E.2-3 EB.4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.
c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

5. MEKANIK

(Di Jabatan Pos, Kementerian Perhubungan)
(Bil : 112/1985-5)
**Tanggagaji :** E.1-2-3 EB.4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 45 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya lesen memandu Kelas 3 yang sah.
b) i) Mempunyai Sijil Basic Motor Mechanic dan 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja membaiki injin diesel dan petrol, wiring untuk kenderaan dan membaiki kenderaan-kenderaan berat.
ATAU
ii) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja membaiki injin diesel dan petrol, wiring untuk kenderaan dan membaiki kenderaan-kenderaan berat.

6. PENYELENGGARA STOR TINGKATAN III

(Di Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan)
(Bil : 112/1985-6)
**Tanggagaji :** E.1-2-3 EB.4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) i) Hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.
c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab.
d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

7. ATENDAN

(Di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)
(Bil : 112/1985-7)
**Tanggagaji :** F.2-3-4-5 EB.6 — $495-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah V Sekolah Melayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam Bahasa Inggeris.

**Tugas-tugas :**
Calon-calon yang terpilih akan ditempatkan di Rumah Sakit Kerajaan, Gudang-gudang Ubat dan di Klinik-klinik Kesihatan. Mereka mestilah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam.

**Am :**
Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**
Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan iklan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup : 31 Oktober, 1985.
(E/1663/77)

## Di Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II :

a) (Di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)
(Bil : 117/85 — 1).
b) (Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)
(Bil : 117/85 — 2).
c) (Di Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan)
(Bil : 117/85 — 3).

**Tanggagaji :** D.2 EB.3-4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
a) i) Calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan serta telah dan sedang berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.
b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakuanan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan pembelian alat-alat.
c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEMBANTU TEKNIK (PEMELIHARAAN KAWASAN) :

(Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan)
(Bil : 117/85 — 4).
**Tanggagaji :** D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Mestilah berumur antara 18 hingga 45 tahun.
b) Mestilah mempunyai Ordinary National Certificate dari sesebuah Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja Perhutanan, Pemeliharaan Kebun Bunga atau Kerja-kerja Pemeliharaan Kawasan dengan sesebuah pertubuhan.

3. MEKANIK SUKATAN DAN TIMBANGAN :

(Di Bahagian Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri)
(Bil : 117/85 — 5).
**Tanggagaji :** D.1-2 EB.3-4 — $530-$1465 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
b) Mempunyai kelulusan Tingkatan III atau yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman sebagai Tradesman atau Mekanik Elektronik dalam bidang kerjaya Sukatan dan Timbangan dalam tugas-tugas seperti membaiki dan memelihara alat-alat Sukatan dan Timbangan bagi kegunaan perniagaan atau pemeliharaan pada alat-alat sukatan dan timbangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**Am :**
Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**
Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan iklan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 4 November, 1985.
(E/133/78).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG PENGURUS LADANG

( Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan )
( Bil : 107/1985 — 1 ).

**Tanggagaji :** D.1-2 EB.3-4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) i) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang yang bersesuaian boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Membantu Pengurus Ladang dalam kerja harian seperti membuat laporan, pengendalian buruh, pengawalan kenderaan, penjualan hasil ladang dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan aktiviti ladang.

b) Menjalankan tugas-tugas Pengurus Ladang semasa ketiadaannya jika diarahkan.

2. PEMBANTU TEKNIK

A. ( Di Jabatan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri )
( Bil : 107/1985 — 2 ).

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB.4-5 $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains (Fiziks) di peringkat biasa atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengannya.
ATAU
b) Mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman bekerja sebagai Juru Elektrik Pelatih atau Juruteknik Radio atau Mekanik Enjin.

**Tugas-tugas :**

Membantu Juruteknik Kanan dalam pemeliharaan alat-alat elektronik dan janakuasa yang kecil. Latihan semasa bekerja akan diberikan.

**Peluang-peluang :**

Calon-calon yang mempunyai kelayakan sesuai untuk memasuki institusi-institusi teknikal mungkin diberi peluang untuk mengikuti latihan-latihan lanjutan.

B. ( Di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan )
( Bil : 107/1985 — 3 ).

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4 — $530-$1465 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon mestilah berumur 20 hingga 45 tahun.

b) i) Pemohon mestilah lulus 3 mata pelajaran Peringkat 'O' dalam matamata pelajaran Ilmu Alam, Ilmu Hisab dan Lukisan.
ATAU
ii) Pemohon yang tidak mempunyai kelulusan tersebut di atas, tetapi mempunyai 5 tahun pengalaman amali dalam pengukuran tanah dan boleh membaca pelan Bangunan / Kejuruteraan Awam akan juga dipertimbangkan.

C. ( Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan )
( Bil : 107/1985 — 4 ).

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan City and Guilds Intermediate Certificate atau kelulusan tempatan yang sebanding dengannya.

b) Mempunyai sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebih daripada lapangan-lapangan berikut :—
i) Kerja-kerja konkrit bertulang dan pemeriksaan tapak-tapak bina dalam kerja-kerja 'concreting' dan menanam cerucok sedang dijalankan. Pengalaman dalam kerja konkrit dan pailing. Rekabentuk strucktur bagi binaan-binaan konkrit bertulang juga diperlukan.
ii) Memeriksa tapak-tapak bina, mengorek tanah, mengumpulkan dan menyiasat contoh serta menguji konkrit. Pengetahuan kerja-kerja ukur-mengukur satu kelebihan.
iii) Kerja-kerja ukur bagi pembinaan jalan raya.
iv) Kerja-kerja pemasangan paip dan pam air/parit dan taliair.
v) Pemeliharaan dan pembinaan bangunan.
ATAU

c) Pegawai yang sedang berkhidmat yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah memegang jawatan Tukang Pelan atau Tukang Lukis tidak kurang dari 5 tahun dan mempunyai kebolehan yang istimewa dalam melaksanakan kerja-kerja mereka akan juga dipertimbangkan.

3. PENOLONG PERAKAM SUARA FILEM

( Di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan. Belia dan Sukan )
( Bil : 107/1985 — 5 ).

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon mestilah telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun sebagai Penolong Operesen Rendah, tidak termasuk masa menjalani pengkajian penuh masa dalam operesen suara di Radio atau Televisyen di RTB.
ATAU

b) Mestilah telah berkidmat selama 3 tahun sebagai Pelatih Teknik dalam operesen suara filem di Radio atau Televisyen di RTB.
ATAU

c) Calon-calon yang tidak mempunyai pengalaman yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman yang bersesuaian sekurang-kurangnya selama 5 tahun sebagai pekerja bergaji hari dalam bidang operesen suara filem di Radio atau Televisyen juga bolehlah memohon.

**Tugas-tugas :**

Penolong Perakam Suara Filem berkhidmat kepada Pengurus Unit Perfileman sebahagian dari krew perfileman dan biasanya bertanggungjawab kepada Perakam Suara Filem. Penolong Perakam Suara Filem yang berpengalaman bolehlah ditugaskan untuk menjalankan tugas-tugas nya bersendirian. Tugas-tugasnya termasuklah memilih alat-alat pembesar suara dan alat-alat lain yang berkaitan.

4. TUKANG UBAT PERCUBAAN

( Di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan )
( Bil : 107/1985 — 6 ).

**Tanggagaji :** M. 3 atau 4-5 EB. 6 — $570-$1850 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur 18 hingga 21 tahun.

b) Mempunyai kelulusan minima tiga ( 3 ) mata pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Sains.

c) Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki bekerja dalam tempoh minima 6 — 8 bulan dan selepas itu calon-calon akan dihantar untuk latihan ke luar negeri dalam tempoh tiga tahun untuk mendapatkan Certificate of Dispensing yang akan melayakkan calon-calon menjadi Tukang Ubat Terlatih.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saha-ja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 1 Oktober, 1985.

( E/1840/76 ).

## TAWARAN BAGI MENGURUS KANTIN PERHENTIAN BAS KUALA BELAIT

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Pejabat Perbendaharaan Brunei, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada 16 September, 1985 kerana menguruskan Kantin Perhentian Bas Kuala Belait.

2. Tawaran-tawaran mestilah menyatakan sewa bulanan kerana menggunakan kantin tersebut dan hendaklah menjalankan kantin tersebut dengan memuaskan.

3. Pemborong yang berjaya mestilah membayar segala bayaran air dan elektrik yang digunakan.

4. Segala alat-alat perkakas yang diperlukan termasuk peti sejuk dan dapur hendaklah disediakan oleh pemborong sendiri.

5. Kantin ini hanya dibenarkan berjual minuman rengan dan kuih muih sahaja. Tidak dibenarkan menyediakan makanan dan masakan di tempat tersebut.

6. Tawaran ini akan berjalan bagi masa selama dua tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani.

7. Tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapi dan dialamatkan seperti perenggan 1 di atas dan mestilah ditulis dengan terang :

KANTIN PERHENTIAN BAS KUALA BELAIT.
Deposit sebanyak $200.00 hendaklah disertakan bersama.

8. Mestilah tidak ada sebarang tanda di luar sampul surat itu yang boleh mengenalkan nama pemborong dan tawaran-tawaran yang ditulis dengan tidak sempurna akan ditolak. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang disebutkan di atas juga akan ditolak.

9. Kantin tersebut boleh dilawat di Bangunan Perhentian Bas Kuala Belait.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

## GURKHA RESERVE UNIT TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon Monday 30 September, 1985 for two years fixed price running contract for :

"GRASS CUTTING AND DAILY DRAINS CLEANING GURKHA RESERVE UNIT, SUNGAI AKAR CAMP."

2. Details of works to be done may be obtained from Gurkha Reserve Unit Sungai Akar Camp.

3. The tender shall be submitted to the Chairman of Tenders Board and the envelope must be sealed and address to the Chairman of Tenders Board, Bandar Seri Begawan. The envelope must be marked :

TENDERS FOR GRASS CUTTING AND DAILY DRAINS CLEANING — GURKHA RESERVE UNIT, SUNGAI AKAR CAMP.

4. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelopes.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JERUDONG PARK TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following vehicles and equipment to Jerudong Park.

1) 1 NO. LANDCRUISER STATION WAGON
   a) Six cylinder petrol engine, not less than 4000 cc.
   b) Long wheel base
   c) Four wheel drive
   d) Fitted with airconditioner
2) 2 NOS. LANDROVER
   a) 4 cylinder petrol engine not less than 2500 cc.
   b) Long wheel base
   c) Four wheel drive
   d) Hardtop roof
   e) Fitted with airconditioner
3) 1 NO. AGRICULTURAL TRACTOR
   a) 3 cylinder diesel engine — direct injection
   b) Fitted with front end counter weights
   c) Fitted with sunshade canopy
   d) Fitted with hydraulic linkage for trailer.
4) 1 NO. AGRICULTURAL TRACTOR
   a) Heavy duty 4 x 4
   b) 4 cylinder direct injection OHV diesel engine
   c) Fitted with air-conditioned safety cab
   d) Fitted with balloon tyres
   e) Fitted with hydraulic linkage for tailer.
5) 1 NO. WHEEL LOADER
   a) Power shift transmission
   b) 4-stroke-cycle, 3304 turbo charged diesel engine (4 cylinder) with 24V direct starting
   c) Traction tyre-tubless, nylon-dozer design
   d) Sunshade canopy
   e) 3 in. yd. general purpose bucket c/w teeth.
6) 1 NO. 9-GANG MOWER
   a) Standard 5-blade Blitzer Gang mower (frame combination)
   b) 21' 2" width
   c) Extra tow bar to be provided (same specification)

All vehicles are to be painted in Jerudong Park colours with the words "JERUDONG PARK" (not more than 4") on both sides and on the rear of the vehicle if appropriate.

Tenders should be sent in a plain envelope marked "Tender Transport and Machinery Jerudong Park". Tenders should be placed in the Tender Box situated on 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan not later than 1200 hours 16 September, 1985.

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICES

TENDERS are invited for the supply of Modular 10 — pair, 20 — pair, 50 — pair and 100 — pair quick connect distribution boxes with disconnect facility for Telecommunications Department.

Detailed of quantities and specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a vaild tender.

Tender will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon on Monday 7th. October, 1985.

Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR MODULAR 10 — PAIR, 20 — PAIR, 50 — PAIR AND 100 — PAIR QUICK CONNECT DISTRIBUTION BOXES WITH DISCONNECT FACILITY.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept lowest or any tender.

---

TENDERS are invited for the Supply and Delivery of Facsimile for Telecommunications Department.

Detailed of quantities and specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a vaild tender.

Tender will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon on Monday 7th. October, 1985.

Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF FACSIMILE

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept lowest or any tender.

---

TENDERS are invited for the supply of Tools for Telecommunications Department.

Detailed of quantities and specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a vaild tender.

Tender will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon on Monday 7th. October, 1985.

Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TOOLS.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept lowest or any tender.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 333 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD406/1901
CADANGAN ASRAMA DI PUSAT TINGKATAN ENAM GADONG, PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September, 1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 334 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/19200
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DUA BUAH UNIT JAMBATAN JENIS BAILEY UNTUK JABATAN KERJA RAYA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September, 1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 335 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/14400
PEMBINAAN KONKRIT TEPI JALAN, PARIT KONKRIT TETULANG DAN SUMP DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September, 1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 336 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL035
PEMBINAAN KEDAI SEKOLAH UNTUK SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PENGIRAN ANAK PUTERI BESAR DAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DATO AHMAD KAMPONG AYER, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 September, 1985.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 337 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
MEMBAIKI, MENCAT SEMULA, MENGUBAH SUAI DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DI RUMAH KERAJAAN PWD NO. 7 DI JALAN SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 September, 1985.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 338 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal Am untuk:

PROJEK No.: 85AB/00800
MEMBEKALKAN: —
a) DAPUR GAS (JENIS SIMPAN ATAS MEJA) LENGKAP DENGAN KEPALA GAS DAN HOSE.
b) DAPUR GAS YANG DILENGKAPKAN DENGAN ALAT PEMBAKAR (OVEN TYPE) TERMASUK KEPALA GAS DAN HOSE.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 September, 1985.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 339 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AR407/2601
CADANGAN LEBUHRAYA ANTARA NEGERI BRUNEI/SARAWAK–LABU, TEMBURONG/LAWAS, SARAWAK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September, 1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 340 TAHUN 1985

TAWARAN tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 85AD/18900
KAWALAN HAKISAN DI PARIT ALUR KELUAR AIR RIBUT—PERKHEMAHN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 September, 1985

Tarikh tutup: 30 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 341 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Mekanikal dan Elektrikal yang berpengalaman dan sesuai untuk:

PROJEK No.: AW416/0703
KONTRAK NO. S4—ALAT-ALAT JENTERA PAM MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL DIKERJAKERJA PEMBETUNGAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Oktober, 1985.

Tarikh tutup: 28 Oktober, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 342 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
MEMBEKALKAN DAN MEMASANG CARPET JENIS TAHAN KENA AIR DI BEBERAPA BUAH BILIK JABATAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 September, 1985.

Tarikh tutup: 25 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 343 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AB/01001
MEMBAHARUI SEMULA TILAM-TILAM GETAH BAGI TEMPOH SELAMA SETAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 September, 1985.

Tarikh tutup: 25 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Oktober, 1985..

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tida berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau manamana tawaran.

BIL : PROC/T/194/85
MEMBEKAL : ALTERNATOR
Cagaran : $200.00.

BIL : PROC/T/195/85
MEMBEKAL : MILITARY CLOTHING (SOCKS)
Cagaran : $200.00.

BIL : PROC/T/196/85
MEMBEKAL : FIREBALL DINGHY
Cagaran : $150.00.

BIL : PROC/T/197/85
MEMBEKAL : FLEXIBLE ANTENNA
Cagaran : $100.00.

BIL : PROC/T/198/85
MEMBEKAL : KEY BOARD
Cagaran : $300.00.

BIL : PROC/T/199/85
MEMBEKAL : SIGNAL GENERATOR
Cagaran : $200.00.

BIL : PROC/T/200/85
MEMBEKAL : STEP LADDER
Cagaran : $200.00

BIL : PROC/T/201/85
MEMBEKAL : RADIO SPARES
Cagaran : $300.00.

BIL : PROC/T/202/85
MEMBEKAL : ENGINE ASSY L/R
Cagaran : $200.00

## Tawaran Stor-Stor Dan Perbekalan Negara

### BIL.: 27/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

"PEMBEKALAN BATTERI"

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### BIL.: 28/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

"PEMBEKALAN TYRE"

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbeka'an Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### BIL.: 29/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967 CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BS: PROTECTED AGAINST DAMAGE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### BIL.: 30/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 30 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussa am.

GALVANISED, CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE, TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREWED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BSPT, AND PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbeka an Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## Peraduan menulis Khat ASEAN

# DUA ORANG PENULIS KITA MENANG TEMPAT PERTAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang penulis khat dari Negara Brunei Darussalam telah memenangi tempat pertama dalam kategori A, kategori B dan bagi kategori semua kumpulan dalam Peraduan Menulis Khat ASEAN yang dianjurkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Awang Haji Metusin bin Haji Ahmad telah memenangi tempat pertama dalam kategori A dan juga hadiah terbaik bagi semua kumpulan kategori A, B, dan C. Sementara Awang Sabtu bin Surat memenangi tempat pertama dalam kategori B.

Penulis dari Negara Republik Indonesia, Sudianto Aly memenangi tempat pertama dalam kategori C.

Peraduan yang dianjurkan sempena pembukaan rasmi Pusat Dakwah Islamiah pada 16 September itu telah dihakimkan pada 1 September yang lalu oleh tiga orang hakim yang terdiri dari Ustaz Mustazab bin Shai'en dari Negara Brunei Darussalam, Haji Umar bin Bashri dari Malaysia dan Dr. Abu Jalil Pirous dari Republik Indonesia.

Sebanyak 113 buah tulisan khat karya 46 orang penulis khat Negara-negara ASEAN telah menyertai peraduan tersebut. Dari jumlah itu 56 buah tulisan khat karya 23 orang penulis dari Negara Brunei Darussalam, 32 buah tulisan khat karya 11 orang penulis dari Malaysia dan 25 buah tulisan karya 12 orang penulis khat dari Republik Indonesia.

Keputusan penuh peraduan tersebut adalah seperti berikut:—

Kategori A — Tempat pertama dimenangi oleh Awang Haji Metusin bin Haji Ahmad, kedua Awang Haji Ishak bin Haji Mat Rais kedua-duanya dari Negara Brunei Darussalam dan pemenang ketiga jatuh kepada Basyiroen Hs dari Republik Indonesia.

Lima hadiah penghargaan juga diberikan kepada lima orang penulis. Mereka ialah Awang Haji Idris bin Haji Abd. Salam dari Negeri Selangor, Malaysia; Awang Sabtu bin Surat dan Awang Haji Hassan bin Haji Ahmad kedua-duanya dari Negara Brunei Darussalam; Norimin bin Jamatin dari Negeri Sabah, Malaysia dan Sururi Jamhari dari Republik Indonesia.

Dalam kategori B pula tempat pertama dimenangi oleh Awang Sabtu bin Surat, kedua ialah Awang Haji Metusin bin Haji Ahmad dan pemenang ketiga jatuh kepada Awang Kassim bin Haji Mustapha kesemuanya dari Negara Brunei Darussalam.

Hadiah penghargaan dimenangi oleh Awang Suhaili bin Metali, Awang Ramli bin Hidup, Awang Osman bin Mamit dan Awang Haji Hassan bin Haji Ahmad kesemuanya dari Negara Brunei Darussalam serta Basyiroen Hs dari Republik Indonesia.

Bagi Kategori C pertama disandang oleh Sudianto Aly dari Republik Indonesia; kedua ialah Syed Mohdar bin Sodek Al-Shahab dari Negara Malaysia dan ketiga jatoh kepada Haji Mobil bin Haji Paris dari Kucing, Sarawak.

Sementara lima hadiah penghargaan diberikan kepada Muhamad Ch (Muhammad bin Muhamad Chirzin) dari Negara Republik Indonesia; Awang Haji Metusin bin Haji Ahmad, Awang Daud bin Johari, kedua-duanya dari Negara Brunei Darussalam, Basyiroen Hs dari Negara Indonesia dan Haji Idris bin Haji Abd. Salam dari Negara Malaysia.

Hadiah terbaik bagi semua kumpulan Kategori A, B dan C, pertama dimenangi Awang Haji Metusin bin Haji Ahmad dan naib johan ialah Awang Sabtu bin Surat keduaduanya dari Negara Brunei Darussalam dan pemenang ketiga ialah Basyiroen Hs dari Republik Indonesia.

Lima hadiah penghargaan diberikan kepada Awang Haji Ishak bin Haji Mat Rais dan Awang Kassim bin Haji Mustapha kedua-duanya dari Negara Brunei Darussalam; Sudianto Aly dari Republik Indonesia; Syed Mohdar bin Sodek Al-Shahab dan Haji Idris bin Haji Abd. Salam masing-masing dari Negara Malaysia.

Di samping itu lapan orang penulis dari Negara Brunei Darussalam yang tidak mendapat mana-mana hadiah dalam semua kategori telah diberikan hadiah penghargaan khas.

Mereka ialah Mas Reduan bin Haji Jumat, Awang Muhamad bin Haji Abd. Rashid, Awang Jofri bin Hidup, Awang Abd. Rahman bin Haji Hassan, Awang Metali bin Hidup, Awang Abd. Rahman bin Mat Zain, Awang Haji Abdullah bin Jaafar dan Awang Adanan bin Abd. Latif.

PELITA BRUNEI difahamkan bahawa penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang akan diadakan pada 19 September bertempat di Pusat Dakwah Islamiah.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin bin Pengiran Mohd. Limbang telah mengadakan lawatan ke wilayah-wilayah dalam Republik tersebut dalam bulan Julai lalu.

Lawatan tersebut adalah salah satu kegiatan Tuan Yang Terutama Duta Besar itu bagi membiasakan diri dengan keadaan setempat serta mempelajari cara-cara hidup dan adat kebudayaan penduduk di tiap-tiap wilayah.

Gambar yang dikirim oleh Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Indonesia ini menunjukkan Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin membincangkan sesuatu dengan Tuan Yang Terutama Bapak Ing. Azwar Anas, Gobenor Wilayah Sumatra Barat semasa Duta Besar Negara Brunei Darussalam itu melawat wilayah tersebut pada 21 hingga 24 Julai lalu.

## Sukan Borneo dihidupkan semula

Dari muka 1

### ACARA PEMBUKAAN

Pembukaan rasmi Kejohanan Sukan Tiga Wilayah bermula dengan perbarisan lalu daripada pegawai dan hakim-hakim kejohanan, dan diikuti oleh peserta-peserta olahraga daripada Negeri Sarawak, Sabah, dan Negara Brunei Darussalam.

Kemudian disusuli dengan sabda perasmian kejohanan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah. Setelah itu upacara menyalakan obor sukan dilakukan oleh Haji Zunaidi Hamdan, dan diikuti pula dengan acara mengorak 'banner' Sukan Borneo.

Sementara itu ikrar sukan telah dibacakan oleh peserta daripada Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Yaakub bin Haji Muhammad.

### SEJARAH SUKAN BORNEO

Kejohanan Sukan Tiga Wilayah Borneo bermula pada bulan Julai 1955. Negara kita Brunei Darussalam adalah negara pertama yang menjadi tuan rumah kejohanan itu dan ianya dilangsungkan di Seria. Kemudian ketiga-tiga negara Borneo bergilir-gilir menjadi tuan rumah setiap tahun. Kali terakhir kejohanan itu berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah pada tahun 1969.

Selepas itu kejohanan itu terhenti kira-kira 16 tahun lamanya, sehinggalah disambung semula pada tahun ini di mana Negara Brunei Darussalam dipilih sebagai tuan rumah. Kali terakhir negara ini menjadi tuan rumah ialah pada tahun 1968.

Mengikut laporan perkembangan kejohanan ini, Sabah merupakan negeri yang paling banyak menjuarai kejohanan ini, iaitu sebanyak 12 kali semenjak bermula kejohanan ini, manakala Sarawak hanya berjaya menjuarai sebanyak dua kali. Negara kita Brunei Darussalam setakat ini belum pernah menjuarainya.

## Sarawak tuan rumah Sukan Borneo

Dari muka 1

(57.76 meter). Lari 100 meter lelaki 10.7 saat, (10.8 saat). Lompat tinggi lelaki 1.98 meter, (6 kaki 2 in). Lari 4x100 meter berganti-ganti lelaki 42.3 saat (42.7 saat). Lompat Tinggi perempuan 1.65 meter, (1.49 meter).

Sabah muncul sebagai juara keseluruhan dengan memperolehi 19 pingat emas, 8 pingat perak dan 14 pingat gangsa. Sarawak di tempat kedua dengan 11 pingat emas, 18 pingat perak, dan 7 pingat gangsa, sementara Brunei Darussalam memperolehi 2 pingat emas, 6 pingat perak, serta 11 pingat gangsa.

Sabah juga menjuarai bahagian lelaki dengan 12 pingat emas, 5 pingat perak dan 9 pingat gangsa, manakala Sarawak menjuarai wanita dengan meraih 7 pingat emas, 10 pingat perak serta 3 pingat gangsa.

## Mesyuarat Jawatankuasa COCI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli-ahli Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan (COCI) ASEAN bermesyuarat di sini bagi membincangkan mengenai persediaan Simposium ASEAN Square Sculpture yang akan diadakan tahun depan.

Mesyuarat selama tiga hari yang bermula pada 9 September dilangsungkan di Dewan Serbaguna, Bangunan Pusat Latihan dan Pertukangan Tangan di Jalan Subok, dan berakhir hari ini.

Perwakilan dari negara-negara ASEAN di mesyuarat itu terdiri daripada Awang Haji Metussin Omar, Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Tuan G.T.T Sidhata, Pengarah Fakulti Seni Halus & Seni Reka, Awang Arshad Abd. Rahman, Penolong Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan Malaysia, Francisco Balitaan, Pengurus Jabatan Kementerian Perumahan, Chiou Siew Yong, Pegawai Hal-Ehwal Kebudayaan di Kementerian Pembangunan Masyarakat Singapura, Nonthivath Chandhanaphalin, Dekan Fakulti Seni Ukir Cat dan Grafik Universiti Silpakorn Thailand dan Djoko Soejono, Pengarah Hal-Ehwal Sosio-Budaya Sekretariat ASEAN.



KETUA Pasukan Sabah menerima hadiah juara keseluruhan bahagian lelaki daripada Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.



YANG Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain menyampaikan hadiah juara keseluruhan bahagian wanita kepada Ketua Pasukan Sarawak. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.